



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5467]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Keenam) —

Jadual —

Kepala B. 24 [Ruangan 5498]

Kepala B. 31 [Ruangan 5515]

Kepala B. 25 [Ruangan 5542]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Keenam) —

Kepala P. 24 [Ruangan 5498]

Kepala P. 31 [Ruangan 5515]

Kepala P. 25 [Ruangan 5542]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K.,
P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

„ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).

„ DATUK ABDULLAH AHMAD, S.I.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).

„ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).

Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAB BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

„ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).

„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK. O.K.I.S. (Pekan).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).

„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).

„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.,
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu
Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 2hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LEBUHRAYA JOHOR BAHRU—
AIR HITAM

1. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan pembaikan-pembaikan yang sedang dibuat kepada Lebuhraya Johor Bahru—Air Hitam, memandangkan bertambah bilangan kemalangan-kemalangan tragik yang berlaku di bahagian tertentu ini yang menjadi bahagian lebuhraya utama di negara kita.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa lalulintas di jalan-jalan Persekutuan utama Johor telah bertambah berat dan kadar kemalangan pun telah menjadi serius. Oleh demikian, langkah-langkah tertentu sedang diambil.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan-peruntukan telah disediakan untuk memperbaiki bahagian-bahagian yang buruk. Jabatan Kerjaraya telah memperbaiki beberapa tempat dan kerja memperbaiki tempat-tempat lain akan diteruskan seperti biasa.

Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat bahawa langkah memperbaiki jalan sahaja tidak akan mencukupi kerana volume lalulintas bertambah dengan begitu pesatnya. Kabinet telah bersetuju membina jalan-jalan baru dari Seremban ke Air Hitam (107 batu) dan Tampoi ke Kulai (16 batu) secepat mungkin. Kerja-kerja tersebut akan diserahkan kepada sektor swasta supaya ia dapat melaksanakannya mengikut dasar “package deal”. Ini ialah selaras dengan polisi Kerajaan untuk menggunakan tenaga pihak swasta di negara ini untuk pembangunan infrastruktur.

Pemaju-pemaju Lebuhraya akan membina jalan-jalan lebuhraya yang dikontrekkan kepada mereka dengan wangnya sendiri dan memungut balik perbelanjaan tersebut daripada pengguna-pengguna jalanraya dalam bentuk Tol, Jumlah dan jangka masa pungutan Tol tersebut akan ditentukan oleh Kerajaan.

Taklimat sepenuhnya kepada pemborong-pemborong yang berminat akan diberi oleh Ketua Pengarah Kerjaraya pada 15hb Disember, 1977 pukul 9.00 pagi di Ibu Pejabat Jabatan Kerjaraya Kuala Lumpur.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rancangan Kerajaan untuk menyerahkan kerja membina lebuhraya kepada pihak swasta melalui “package deal” kalau mengikut apa yang telah berlaku di masa lampau tentulah kerja ini akan dibuat oleh pembina-pembina luar negeri oleh kerana kontrek-kontrek untuk membina lebuhraya-lebuhraya diberi kepada pembina-pembina dari Korea Selatan atau lain-lain kontrektor-kontrektor dari luar negeri yang tidak akan

memberi faedah kepada pembina-pembina tempatan ataupun jurutera-jurutera tempatan. Adakah Kerajaan akanimbang untuk mengadakan satu rancangan di mana terdapat penggunaan bukan sahaja jurutera-jurutera tetapi pembina-pembina, modal-modal dan orang-orang tempatan juga.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka atas soalan beliau, dan di sini saya hendak terangkan bahawa Kementerian saya tentu akan memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor Malaysia dan tidak semestinya kontraktor-kontraktor tersebut diberi kepada kontraktor-kontraktor antarabangsa. Jadi, kami haraplah pihak swasta khasnya kontraktor-kontraktor tempatan dapat bergabung dan dapat menyusun semula supaya mereka dapat bertanding untuk kontraktor-kontraktor mengikut dasar "package deal". Kalau pihak tempatan tidak ada keupayaan atau kemampuan, kami haraplah mereka dapat campur dalam joint venture dengan kontraktor-kontraktor antarabangsa. Jadi, dengan ini faedah daripada projek-projek tersebut akan dinikmati oleh kontraktor-kontraktor warganegara Malaysia.

WANG SIMATI DI BANK-BANK

2. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar, banyak wang yang tidak dituntut oleh waris simati di bank-bank dan juga di syarikat-syarikat swasta sehingga meningkat berjuta-juta ringgit. Tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang akan menyalurkan wang-wang yang tersebut kepada Kementerian Kebajikan Am untuk dibiayai kepada kebajikan rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar mengenai terdapatnya wang-wang yang tak dituntut oleh waris simati di bank-bank dan di syarikat-syarikat swasta. Akta Wang Tak Dituntut 1965 yang

dikuatkuasakan pada 1hb Jun, 1975 mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai cara-cara mengendalikan wang-wang tak dituntut yang ada di badan-badan seperti mahkamah, syarikat-syarikat, badan-badan niaga dan bank-bank. Di bawah Akta ini syarikat-syarikat dan bank-bank dihendaki menyiarkan senarai wang tak dituntut dalam Warta Kerajaan pada tiap-tiap tahun. Sekiranya tidak ada tuntutan dibuat oleh tuan ampunya dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh penyiaran dalam Warta, maka wang itu hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Disatukan. Sekiranya tidak ada juga tuntutan yang dibuat selepas 6 tahun dalam Akaun Amanah Disatukan maka wang ini akan dipindahkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Wang tak dituntut yang dimasukkan samada dalam Akaun Amanah Disatukan atau Akaun Hasil Disatukan masih boleh dikeluarkan untuk pembayaran sekiranya ada tuntutan-tuntutan yang sah diterima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak 383 buah syarikat-syarikat dan firma-firma telah mengisytiharkan wang tak dituntut berjumlah \$14.6 juta pada tahun 1976. Daripada jumlah ini sebanyak lebih kurang \$9 juta telah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Disatukan. Bagi tahun ini iaitu sehingga 3hb Oktober, 1977 hampir \$5.8 juta wang tak dituntut dipegang oleh 539 buah syarikat-syarikat dan firma-firma. Semua perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan yang mana termasuklah juga perbelanjaan-perbelanjaan untuk Kementerian Kebajikan Am adalah diperuntukkan daripada Akaun Hasil Disatukan. Kerajaan tidakkah dapat menyalurkan secara terus wang yang tak dituntut itu kepada Kementerian Kebajikan Am. Kementerian tersebut seperti juga Kementerian-kementerian lain adalah mendapat peruntukan tahunan daripada Kerajaan.

KERJASAMA EKONOMI MALAYSIA—LIBYA

3. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri

menyatakan apakah rancangan Kerjasama Ekonomi antara Malaysia dan Libya khususnya di dalam usaha-usaha Kerajaan Malaysia untuk mencapai kejayaan dan hasrat Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, lawatan resmi saya ke Libya pada awal tahun ini berserta dengan Perjanjian Ekonomi, Sains dan Kerjasama Teknikal di antara Malaysia dan Libya, yang telah ditandatangani pada 18hb Januari, 1977 telah memperkukuhkan lagi kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan Libya. Mengikut perjanjian itu kedua-dua negara telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama di dalam bidang petrolium, bangunan dan binaan, perindustrian dan kemahiran, pertanian dan pemulihan tanah dan juga penyertaan di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara masing-masing. Dalam hubungan ini Kerajaan Libya telah bersetuju memberi pinjaman sebanyak M\$24 juta (US\$10 juta) bagi membiayai projek-projek pembangunan Malaysia. Kerajaan telah memutuskan untuk memperuntukkan pinjaman itu bagi membiayai pembinaan lima buah sekolah-sekolah menengah sains berasrama penuh di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Selain daripada itu Kerajaan juga sedang menimbang-cadangan untuk menubuhkan syarikat-syarikat usahasama dengan Kerajaan Libya.

PENCARI KERJA

4. Tuan Lee Boon Peng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa permohonan-permohonan yang dikemukakan ke Pejabat Buruh tidak diberikan jawapan samada seseorang pemohon itu berjaya atau sebaliknya, dan di samping itu tidak ada panggilan temuduga.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan yang sekarang ini sedang dijalankan oleh Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Kementerian saya, apabila seseorang pencari kerja mendaftarkan namanya untuk mendapat pekerjaan di Perkhidmatan itu, nama pencari kerja itu akan dimasukkan dalam daftar yang dinamakan Daftar Aktif selama 6 bulan. Daftar aktif ini mengandungi nama pencari-pencari kerja yang mendaftarkan diri di Perkhidmatan Pekerjaan dan tempoh pendaftaran mereka masih belum melebihi 6 bulan. Jika sekiranya habis tempoh 6 bulan itu seseorang pencari kerja masih belum mendapat pekerjaan, pencari-pencari kerja itu boleh membaharui pendaftaran mereka selama 6 bulan lagi dan begitulah seterusnya sehingga mereka itu berjaya ditempatkan di dalam pekerjaan-pekerjaan yang sesuai. Apabila mereka membuat permintaan kepada Pejabat-pejabat Pekerjaan untuk mendapatkan tenaga kerja, pencari-pencari kerja yang berkeelayakan yang berada di dalam daftar aktif akan dirujuk kepada majikan-majikan itu.

Bagi tempoh pencari-pencari kerja berada di dalam daftar aktif di Perkhidmatan Pekerjaan, memanglah mungkin pencari-pencari kerja itu tidak dapat dihantar kepada temuduga-temuduga oleh kerana kekurangan peluang-peluang pekerjaan di dalam pasaran buruh. Lagi pula pencari-pencari kerja yang mendaftar di Perkhidmatan Pekerjaan sekarang telah meningkat kepada jumlah 127,649 iaitu jumlah yang dikira pada akhir bulan Julai.

Apabila seseorang itu dirujuk untuk temuduga maka samada pencari kerja itu berjaya atau sebaliknya akan diberitahu oleh majikan yang berkenaan. Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Kementerian saya tidaklah menjalankan proses pemilihan calon-calon untuk lantikan oleh majikan. Majikan-majikan sendiri yang akan membuat pemilihan calon-calon yang berkeelayakan untuk dilantik ke dalam jawatan-jawatan yang sesuai

mengikut kebiasaan majikan-majikan sendiri yang akan memberitahu seseorang calon itu berjaya atau sebaliknya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa pencari-pencari kerja yang aktif yang dimaksudkan di dalam 6 bulan itu kalau tidak silap saya, ada yang mendaftar lebih dulu tetapi tidak dipanggil temuduga dalam jawatan yang lebih kurang samada dengan orang yang berdaftar kemudian tetapi dipanggil temuduga dan apakah kuasa Kementerian ini dalam perkara memanggil temuduga ini, bukan memberi kerja tetapi memanggil temuduga.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu tergantung atas pencari-pencari kerja apabila mereka itu mendaftarkan diri mereka itu akan terangkan apa jenis pekerjaannya. Umpamanya, kadang-kadang pencari-pencari kerja mengatakan semasa mendaftarkan diri untuk kerja buruh kasar, kadang-kadang pencari-pencari kerja mengatakan mereka akan sanggup bekerja sebagai kerani, kadang-kadang mereka yang didaftarkan sanggup bekerja sebagai driver atau lain-lain jenis pekerjaan. Jikalau mereka didaftarkan dalam satu jenis pekerjaan, saya tidak sedar Pejabat Perkhidmatan Pekerjaan akan memilih pencari-pencari kerja yang mendaftar kemudian dipanggil temuduga.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu apakah hubungannya Kementerian ini dengan pihak majikan yang saya maksudkan bagi pihak Kerajaan sendiri dalam mengambil pekerja-pekerja sebab terdapat ada kadang-kadang pekerja-pekerja diambil tanpa melalui pendaftaran di Pejabat Buruh. Jadi, apa yang saya hendak tahu hubungan yang berkaitan yang mana Kementerian ini dapat melaksanakan dasar ini dalam memberi kerja.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu soalan lain tetapi untuk

maklumat Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan telah memberi Circular kepada tiap-tiap ketua pejabat dari Kerajaan Pusat mengarahkan supaya jikalau ada kekosongan digalakkan mereka memberitahu kepada Pejabat Perkhidmatan Pekerjaan supaya jabatan yang berkenaan dapat menghantarkan calon-calon yang mendaftar dalam Perkhidmatan Pekerjaan.

PINJAMAN MEMBELI RUMAH

5. Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa pinjaman-pinjaman sebanyak \$2,000 hendaklah dibuat melalui MBBS untuk membeli rumah-rumah dari Perbadanan-perbadanan dan Swasta dan mengapa pinjaman ini tidak dapat diluluskan kepada mereka yang hendak membeli rumah sendiri di kampung-kampung.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah berkaitan dengan sekim pinjaman membeli rumah harga murah atau rendah yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) seperti yang dilancarkan oleh Kerajaan.

Sebenarnya di bawah sekim pinjaman rumah harga rendah ini, tiap-tiap peminjam adalah layak untuk mendapatkan pinjaman sebanyak 90% daripada harga rumah yang berharga tidak lebih daripada \$20,000 dalam sekim-sekim perumahan yang diluluskan. Bagi pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mereka boleh memohon kepada KWSP untuk mengeluarkan simpanan mereka bagi membiayai sejumlah 10% lagi daripada harga rumah itu dengan syarat tidak melebihi \$2,000.

Di bawah sekim pinjaman ini kelulusan untuk membeli rumah berasingan di kampung-kampung sendiri tidaklah dapat dijalankan kerana kesukaran pentadbiran dan juga penyeliaan.

BALAI POLIS KEKURANGAN ANGGOTA

6. **Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:—

- (a) adakah beliau sedar bahawa masih ada lagi beberapa Balai Polis mengalami kekurangan anggotanya kerana pesatnya bertambah penduduk. Jika sedar, bilakah tindakan mengatasinya akan dijalankan; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa kebanyakan Balai Polis di luar bandar mempunyai kekurangan kenderaan dan yang ada pun sudah lama dan perlu diganti baru. Jika ya, apakah tindakan yang sudah dijalankan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, (a) Kerajaan memang sedar atas hal ini. Program pembesaran Pasukan Polis Diraja bermula sejak tahun 1976 dan keanggotaannya akan ditambah sebanyak 22,000 dalam masa 5 tahun. Sehingga sekarang 10,713 anggota telah ditambahkan. Penambahan keanggotaan dijalankan secara berperingkat dengan memberi keutamaan kepada cawangan-cawangan yang penting seperti mengawal keselamatan negara dan mencegah jenayah. Penambahan anggota juga adalah dibuat dengan memberi perhatian penuh kepada jumlah penduduk-penduduk serta kemajuan kawasan dan dijangka dapat diselesaikan dalam masa tempoh lebih kurang 2 tahun lagi. Penambahan anggota di Balai-balai Polis pula adalah sentiasa dibuat sejajar dengan keperluan sesuatu kawasan atau daerah berdasarkan kepada sensitivity kawasan-kawasan yang berkenaan. Pengambilan anggota Polis ini bukan sahaja mengisi jawatan-jawatan baru yang telah diluluskan bahkan juga kekosongan yang ada akibat anggota-anggota bersara atau sebagainya. Untuk makluman Dewan, kemampuan pihak Kementerian ini melatih anggota-anggota baru adalah terhad kepada lebih kurang 5,000 orang setahun.

(b) Kerajaan memang sedar bahawa kebanyakan Pasukan Polis di luar bandar mempunyai kekurangan kenderaan atau kereta-kereta. Sejumlah 139 yunit Land Rover telah diminta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk balai-balai luar di Malaysia Barat dan Timur. Sebanyak 85 yunit telah diterima dan dibahagi-bahagikan ke balai-balai. Bakinya 54 yunit lagi telahpun dipesan tetapi belum diterima lagi. Dalam pada itu pula jumlah Land Rover yang akan digantikan ialah 215 yunit untuk tahun ini sahaja. Kereta-kereta ini telahpun dipesan tetapi belum lagi diterima.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Dengan pembelian kenderaan yang baru bagi Jabatan Polis, adakah kenderaan yang baru ini dibekalkan terus kepada luar bandar atau Balai-balai Polis luar bandar — tidak yang buruk dihantar ke luar bandar.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, barangkali keterlaluan kalau dikatakan buruk, mengikut keadaan. Tetapi yang kita perlu ialah kereta ini boleh berjalan (*Ketawa*).

PROJEK PERINDUSTRIAN

7. **Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk menubuhkan lebih banyak lagi industri-industri di Sarawak sebagaimana yang dijangka mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijangka mengikut Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan akan meneruskan bagi menggalakkan penubuhan projek-projek perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju termasuk Negeri Sarawak. Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menggalakkan pembangunan perindustrian di Negeri Sarawak

adalah seperti berikut:—

- (1) Pengisytiharan seluruh Negeri Sarawak sebagai 'Kawasan Pembangunan' di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968. Ini bermakna projek-projek perindustrian yang diluluskan dengan Kelulusan Taraf Perintis dan Galakan Menggunakan Buruh, jika ditempatkan di Negeri Sarawak akan menikmati tambahan pengecualian cukai selama setahun lagi, manakala projek-projek yang diluluskan dengan Kelulusan Kredit Cukai Pelaburan akan diberi tambahan 5% ke atas Kredit Cukai Pelaburan.
- (2) Bagi menggalakkan lagi penyelerakan industri-industri, Kerajaan telah memperkenalkan Sekim Galakan Tempat Kedudukan dalam tahun 1975. Negeri Sarawak telah diisytiharkan sebagai Kawasan Galakan Tempat Kedudukan. Dengan ini, projek-projek perindustrian yang diluluskan dengan Kelulusan Galakan Tempat Kedudukan mungkin menikmati pengecualian cukai maksima selama 10 tahun, berbanding dengan 8 tahun maksima pengecualian cukai yang dinikmati di bawah Galakan Taraf Perintis.
- (3) Penubuhan Pejabat Wilayah LKPP di Kuching untuk menyediakan nasihat bantuan dan khidmat kepada pelabur-pelabur tempatan di Negeri Sarawak.
- (4) Penubuhan kawasan-kawasan perindustrian oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyediakan tapak-tapak kepada projek-projek perindustrian.
- (5) Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian oleh Negeri Sarawak bagi menyelaraskan dan menggalakkan pembangunan perindustrian di peringkat negeri.
- (6) Tambahan pula dalam tahun 1975, Kerajaan Negeri Sarawak bersamasama dengan LKPP telah menganjur

satu Seminar Pelaburan bagi Negeri Sarawak. Tujuan Seminar ini adalah untuk menggalakkan dan memaklumkan kepada pelabur-pelabur tempatan mengenai peluang-peluang yang boleh didapati di dalam sektor pengilangan.

Kerajaan telahpun memperolehi kejayaan dalam menggalakkan projek-projek perindustrian ditempatkan di Negeri Sarawak. Ini telah terbukti dari bilangan projek-projek yang telah diluluskan bagi Negeri Sarawak yang bertambah bagi tiap-tiap tahun iaitu dari 10 buah projek yang diluluskan bagi tahun 1971 menjadi 38 buah projek di dalam tahun 1976. Dalam jangka masa 1971 ke Ogos, 1977, sejumlah 150 buah projek-projek perindustrian telah diluluskan bagi Negeri Sarawak. Kalau perbandingan dibuat dari segi jumlah projek-projek yang diluluskan bagi tiap-tiap negeri di seluruh negara, maka Sarawak menduduki tempat yang keenam selepas Selangor, Pulau Pinang, Johor, Perak dan Wilayah Persekutuan.

KADAR FAEDAH PINJAMAN

8. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar kadar-kadar faedah atas pinjaman perumahan tidaklah diturunkan sungguhpun kadar pinjaman pokok telah diturunkan sebagaimana yang diumumkan oleh Bank Negara beberapa bulan yang lalu. Apakah tindakan-tindakan akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri itu supaya menjamin kadar faedah atas pinjaman perumahan itu diturunkan selaras dengan kadar pokok.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat yang serupa telahpun dikemukakan dalam persidangan Parlimen yang lepas. Oleh kerana Dewan Rakyat telah menangguhkan persidangannya mulai 28hb Julai, 1977 maka soalan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan yang dijadualkan pada Jawab Mulut pada 29hb Julai, 1977 telah tidak dapat

dijawab tetapi soalan tersebut telah dijawab sebagai jawapan bertulis. Bagaimanapun saya tidak keberatan untuk mengulang jawapannya.

Mulai 1hb Oktober, 1976 semua Bank-bank Perdagangan dikehendaki mengenakan kadar faedah yang tidak lebih daripada had maksima sebanyak 10% setahun ke atas pinjaman-pinjaman baru kepada orang perseorangan untuk membeli rumah jika harga tanah dan rumah tersebut tidak melebihi \$200,000. Kadar faedah maksima atas pinjaman-pinjaman perumahan telahpun dikurangkan kepada 9% setahun mulai 2hb Jun, 1977 apabila kadar utama (prime rate) diturunkan dari 8½% kepada 7½% setahun. Kadar faedah maksima ini hanya berkuatkuasa atas pinjaman-pinjaman baru yang diluluskan pada ataupun selepas tarikh tersebut.

Sukalah saya menjelaskan di sini mengenai peraturan-peraturan perlindungan yang diamalkan oleh Bank-bank Perdagangan di mana kadar faedah sesuatu pinjaman itu adalah ditetapkan apabila seseorang meminjam menandatangani perjanjian pinjaman dengan bank itu.

Ingin juga saya menjelaskan bahawa Bank-bank Perdagangan menerima simpanan-simpanan tetap daripada pihak umum untuk jangka-jangka masa dan pada kadar-kadar faedah yang telah ditetapkan terlebih dahulu dan yang mengikat bank tersebut. Maka bank perlulah menyesuaikan antara kos menerima simpanan-simpanan tetap tersebut dengan kos memberi pinjaman kepada pihak umum. Walau bagaimanapun, satu kajian yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa Bank-bank Perdagangan atas tindakan mereka sendiri dan juga atas permintaan peminjam-peminjam telahpun menurunkan kadar faedah antara ½% hingga 1% setahun atas pinjaman perumahan yang sudah ujud.

Syarikat-syarikat peminjam yang berlesen juga dikehendaki mulai 2hb Jun, 1977

mengenakan kadar faedah tidak lebih daripada 9% setahun ke atas kadar pinjaman baru kepada orang-orang persendirian untuk membeli rumah jika harga tanah dan rumah tidak melebihi \$200,000.

Analisa ke atas kadar faedah yang dikenakan oleh syarikat-syarikat ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat tersebut juga telah menurunkan kadar faedah atas pinjaman-pinjaman selaras dengan penurunan kadar faedah simpanan dan kadar utama Bank-bank Perdagangan.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai aduan-aduan tertentu mengenai kadar faedah atas pinjaman perumahan yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan, keterangan lanjut mengenainya bolehlah dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia untuk tindakan sewajarnya.

PERKHIDMATAN BAS KEPADA PENUMPANG

9. **Wan Zainab binti M.A. Bakar** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar, pada masa ini terdapat setengah-setengah syarikat bas tidak memberi perkhidmatannya dengan sempurna kepada orang ramai iaitu seperti:

- (i) keadaan bas yang terlalu buruk;
- (ii) bas bocor dan terdapat tingkap-tingkap bas tidak boleh ditutup dan menyebabkan para penumpangnya basah apabila hujan; dan
- (iii) bas tidak mahu berhenti apabila ditahan di tempat perhentian bas, walaupun bas itu tidak penuh dengan penumpang.

Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar terdapat setengah daripada bas-bas

tidak dapat memberikan perkhidmatan yang sempurna yang dikehendaki oleh semua penumpang-penumpang. Tindakan sememangnya diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memeriksa semua bas tiap-tiap enam bulan sekali untuk memastikan bahawa bas-bas digunakan sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, oleh kerana setengah daripada bas-bas adalah bas-bas yang lama maka keadaan-keadaan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kadangkala berlaku dan perkara ini adalah diambil perhatian. Oleh itu, jika sekiranya orang ramai ada maklumat-maklumat yang khusus tentang mana-mana bas yang berada di dalam keadaan yang sedemikian, sila melaporkan perkara ini kepada Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di negeri-negeri berkenaan supaya tindakan konkrit akan dapat diambil.

Demikian juga dengan kes di mana bas tidak mahu berhenti apabila ditahan sungguhpun masih ada tempat duduk kosong, orang ramai haruslah mengemukakan kes-kes tertentu kepada Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor (RIMV) untuk tindakan sewajarnya.

PELABURAN SWASTA

10. Tuan Tan Cheng Bee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu oleh kerana di bawah Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, pihak swasta diharapkan membantu Kerajaan untuk memprojekkan matlamat sepuluh peratus (10%) bersih bertambah lebih perkembangan di dalam pelaburan swasta, tetapi adalah dilaporkan bahawa pada tahun 1976, perkembangan pelaburan swasta ialah cuma 3% (tiga peratus) — terlalu ke bawah daripada matlamat yang dirancangan maka adakah keadaan pelaburan yang muram ini dari pihak pelabur-pelabur swasta disebabkan oleh undang-undang yang baru dikuatkuasa-

kan oleh Kerajaan dan jika begitu, apakah langkah-langkah yang Kerajaan cadang mengambil untuk memberi nafas kepada pelaburan swasta supaya tercapainya matlamat yang dirancangan itu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kekurangan bilangan permohonan-permohonan untuk Kelulusan Projek-projek Perindustrian pada tahun 1976 dan ini bukanlah disebabkan oleh Undang-undang yang baru dikuatkuasakan semata-mata oleh Kerajaan sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebab utama perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang dialami oleh negara-negara perindustrian di mana keadaan ekonomi di negara-negara tersebut belum lagi pulih untuk memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur di negara-negara tersebut untuk melaburkan wang mereka di luar negara masing-masing. Pemulihan sepenuhnya daripada keadaan meleset ekonomi dunia itu belum berlaku sebagaimana yang diharap-harapkan dan akibatnya negara-negara yang bergantung kepada pelaburan asing terutamanya negara-negara yang membangun seperti Malaysia tidak dapat mengelakkan daripada mengalami kesan-kesan tersebut. Oleh yang demikian, selagi keadaan ekonomi dunia khususnya keadaan ekonomi di negara-negara maju tidak berubah daripada apa yang terdapat sekarang maka tidak dapat tiada jumlah pelaburan yang mengalir masuk ke negara ini tentulah tidak sebanyak pada masa sebelum kejadian kemelesetan ekonomi di negara-negara perindustrian itu berlaku.

Walaupun demikian, Kerajaan, terutamanya melalui Kementerian ini telah dan akan terus berusaha dengan giatnya untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan. Usaha-usaha galakan akan dipergiatkan lagi bagi baki tempoh Rancangan Malaysia Ketiga supaya matlamat pelaburan untuk sektor ini di bawah Rancangan tersebut akan dapat dicapai. Di antara langkah-langkah yang akan

diambil adalah:

- (a) Memperbaiki dan meluaskan kemudahan-kemudahan infrastruktur dalam negeri, terutamanya dalam kawasan-kawasan luar negeri, bagi memudahkan penubuhan projek-projek perindustrian.
- (b) Mengulangkaji galakan-galakan 'fiscal' yang ada supaya lebih menarik kepada pelabur-pelabur swasta.
- (c) Memperkenalkan cara 'package' bagi permohonan dan pelaksanaan projek perindustrian dengan tujuan mengurangkan 'red tape' birokrasi dan mempercepatkan permohonan dan pelaksanaan projek.
- (d) Mencetak dan mengedarkan risalah-risalah dan lain-lain bahan maklumat mengenai prospek melabur di Malaysia.
- (e) Menjalankan banyak lagi kajian-kajian projek dengan tujuan membantu pelabur-pelabur tempatan mengecam projek-projek yang berkemungkinan.
- (f) Mengarahkan pusat-pusat pelaburan Malaysia di seberang laut serta Pejabat-pejabat Wilayah LKPP mempergiatkan lagi usaha-usaha mereka menarik banyak lagi pengusaha-pengusaha tempatan dan luar negeri untuk menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran di sini.
- (g) Menghantar rombongan-rombongan galakan pelaburan ke beberapa negara pengeksploitasi modal dan teknologi bagi menarik bakal-bakal pelabur untuk melabur di Malaysia. Rombongan-rombongan projek tertentu akan juga dihantar bagi mengadakan perbincangan-perbincangan secara langsung dengan pengusaha-pengusaha dari negara-negara membangun untuk menarik mereka menanam modal dalam perusahaan-perusahaan tertentu yang berasaskan pertanian, kayu dan getah dan lain-lain lagi.

PINJAMAN MEMBELI RUMAH

11. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan memberikan laporan kemajuan terhadap skim perumahan murah oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja semenjak undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1977 diluluskan dalam bulan April tahun ini dan juga nyatakan:

- (a) bilangan skim perumahan yang telah dilaksanakan sehingga ini serta tempatnya; dan
- (b) bilangan permohonan pinjaman yang dibuat oleh pencarum-pencarum untuk membeli rumah-rumah murah setakat ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, sejak skim pinjaman membeli rumah harga rendah yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) dilancarkan sehingga penghujung bulan November, 1977 sebanyak 37 projek perumahan mengandungi 9,667 yunit rumah telah diluluskan untuk dibiayai di bawah skim ini. Rumah-rumah ini dibina oleh Dewan Bandaraya, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, pemaju usahasama antara sektor awam dan swasta dan pemaju swasta sendiri. Jumlah pinjaman yang dijangka akan diluluskan oleh MBSB untuk projek-projek ini ialah \$119.49 juta.

Projek-projek perumahan ini terletak sebelas (11) di Selangor, empat (4) di Pahang dan di Perak, tiga (3) di tiap-tiap Negeri Wilayah Persekutuan, Perlis, Johor dan Kedah, dua (2) di Melaka dan Trengganu dan satu (1) di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Sehingga 30hb November, 1977 MBSB telah menerima 2,181 permohonan dalam mana 1,371 terdiri daripada pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

JALANRAYA LAWAS KE LONG SEMADOH HIGHLAND

12. **Tuan Racha Umong** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau mempunyai rancangan hendak membuat jalanraya daripada Lawas ke Long Semadoh Highland, dan jika ya, bila jalanraya ini akan dibina, jika tidak, kenapa.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini tidak ada rancangan untuk membina jalan yang akan menghubungkan Lawas ke Long Semadoh Highland. Ini oleh kerana sekiranya jalan tersebut dibina, ianya akan melalui kawasan-kawasan yang tinggi dan akan menelan perbelanjaan yang besar. Untuk menentukan supaya satu hubungan yang ekonomik diadakan di antara kedua-dua kawasan tersebut adalah lebih baik Jalan Lawas/Long Sukang/Long Napir/Ng Medamit dibangunkan dahulu di bawah Sistem Jalan Besar Kedua (Second Trunk Road System). Long Semadoh Highland kemudiannya bolehlah dihubungi dengan Jalan di atas melalui jalan 'spur' sepanjang 10 batu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Sistem Jalan Besar Kedua ini sedang dirancang oleh Kerajaan.

CALUN-CALUN

PEPERIKSAAN SRP, SPM DAN STP

13. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan calun-calun yang telah mengambil dan bilangan yang telah lulus peperiksaan seperti berikut bagi tiap-tiap tahun dari 1971 ke 1976:

- (a) Sijil Rendah Pelajaran;
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia; dan
- (c) Sijil Tinggi Pelajaran.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan ini meliputi

banyak angka-angka, jadi saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan soalan ini kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

RUMAH-RUMAH GURU

14. **Tuan Sibat Miut anak Tagong** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah cadangan telah dibuat untuk menambah bilangan rumah-rumah untuk guru-guru sekolah rendah Kerajaan oleh kerana pada masa ini bilangan rumah-rumah untuk guru-guru masih belum mencukupi.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa kekurangan rumah-rumah guru di daerah-daerah pedalaman memang menjadi satu masalah dalam bidang pendidikan anak-anak di luar bandar. Kementerian ini sedang mengambil langkah untuk menambahkan bilangan-bilangan rumah guru di daerah-daerah yang sukar mendapat rumah sewa dan di daerah-daerah yang terpencil. Ini termasuklah Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, ini akan dijalankan berperingkat-peringkat mengikut kemampuan.

RATION MAKANAN ANGKATAN TENTERA

15. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Pertahanan menyatakan berkenaan "ration" makanan yang diberikan kepada anggota angkatan tentera kita yang bertugas di barisan hadapan dan di hutan belantara sangatlah menyedihkan yang mana tidak sesuai dengan keadaan mereka itu. Samada pihak beliau dapat memberikan "ration" makanan yang lebih baik kepada mereka iaitu seperti yang diberi kepada anggota pasukan Polis Hutan. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya

memberikan penerangan yang lanjut mengenai soalan di atas sukalah saya menyatakan bahawa mutu catuan bungkusan yang diberikan kepada tentera kita di barisan hadapan adalah mengikut sekil yang telah ditetapkan oleh Ration Scale Committee di Kementerian Pertahanan yang terdiri daripada pakar-pakar Angkatan Tentera dan perubatan. Dan oleh yang demikian, tidaklah benar untuk menyatakan bahawa catuan yang tersebut adalah menyedihkan atau tidak sesuai seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, perbandingan-perbandingan telahpun dibuat dengan catuan bungkusan yang diberikan kepada pasukan Polis Hutan dan didapati tidaklah mempunyai apa-apa perbezaan besar baik dari segi mutu makanan dan juga jenis makanan yang dibekalkan. Catuan bungkusan bagi Angkatan Tentera Malaysia atau Polis masing-masing mempunyai 17 item dan 13 daripadanya terdiri daripada item-item yang sama. Hanya 4 item sahaja yang berbeza. Walaupun demikian item ini adalah item-item yang kecil yang lebih merupakan supplementary.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat ini sukalah saya menerangkan empat item yang berbeza seperti yang saya katakan tadi.

Angkatan Tentera Malaysia	Angkatan Polis Hutan
(i) Susu tepong	Susu pekat
(ii) Nescafe	Kopi
(iii) Instant mee	Quick mee
(iv) Sayur dalam tin seperti kacang panjang atau green peas dan sebagainya.	Lobak masin atau sayur campur (kin-cam).

Dari segi kalorinya, makanan yang diberikan kepada Angkatan Tentera Malaysia mempunyai jumlah kalori 3,912 sehari sementara keperluan kalori seseorang askar ialah 3,300 sehari. Dari aspek ini catuan bungkusan Angkatan Tentera Malaysia tidaklah dapat dikatakan bermutu rendah.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai

bekalan makanan kepada Angkatan Tentera iaitu beberapa jenis makanan termasuk makanan dalam tin seperti nescafe yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa semalam dalam akhbar ada menjelaskan pemeriksaan di bahagian Chemistry bagaimana buruknya jenis-jenis makanan yang telah dibuat ujian oleh pihak Chemistry yang dibekalkan kepada Angkatan Tentera kita. Kalau sedar apakah tindakan pihak Kementerian mengenai makanan-makanan yang dibekalkan yang telah diuji oleh pihak Chemistry yang begitu rendah sekali mutunya kepada Angkatan Tentera kita.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar artikel yang ditulis dalam akhbar *Malay Mail* pada hari semalam. Tetapi sebenarnya apa yang dilaporkan mengikut laporan tahunan Jabatan Kimia Kerajaan bukan bermakna itulah makanan yang kita berikan kepada Angkatan Tentera kita. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat semua bahan-bahan makanan yang kita berikan kepada pasukan tentera kita adalah dibekalkan oleh kontrektor tempatan. Dan sebelum kontrektor-kontrektor tempatan ini kita terima sebagai pembekal mereka hendaklah menghantarkan contoh-contoh. Contoh-contoh ini Kementerian saya merujuk kepada Jabatan Kimia untuk diproses, dinilai dan dianalisa, hanya contoh yang diterima oleh pihak Jabatan Kimia sahaja yang tawaran mereka ini boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Tender. Dalam pada itu penender-penender atau pembekal-pembekal yang telah diterima sebagai pembekal tiap-tiap kali mereka menghantarkan barang makanan mengikut item masing-masing sebelum kita terima, dirujuk balik kepada Jabatan Kimia dan sekiranya Jabatan Kimia memperakukan makanan itu boleh kita terima barulah makanan itu kita hantarkan kepada pihak tentera, dan mana-mana yang tidak diperakukan oleh Jabatan Kimia kita tolak.

Selain daripada itu, suka saya terangkan sebelum makanan-makanan yang dihantarkan

oleh pihak pembekal yang telah diakui oleh pihak Jabatan Kimia tadi dihantarkan kepada askar-askar kita jalankan pemeriksaan sekali lagi iaitu semasa memasukkan tiap-tiap item dalam bungkusan-bungkusan di pusat bekalan makanan Angkatan Tentera di Batu Caves. Mana-mana yang didapati rosak atau tidak sesuai diketepikan. Dengan ini tidaklah benar dikatakan bahawa makanan-makanan yang dibekalkan iaitu makanan bungkusan kepada askar-askar kita samada di perbatasan atau di hutan mutunya rendah.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan mengatakan tadi bahawa ration itu ditentukan menurut scale oleh satu Jawatankuasa ataupun Committee. Saya hendak mengetahui semenjak berapa lama ration yang telah ditentukan oleh Committee itu menurut jenis-jenis dan mutu-mutu yang diberitahu oleh Setiausaha Parlimen telah diberi kepada anggota tentera kita kerana bukankah elok jika ration ini dikaji dari semasa ke semasa.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian saya dalam menjalankan khidmat seperti ini terutamanya khidmat pembekalan barang-barang ration sentiasa dikaji daripada semasa ke semasa untuk meninggikan lagi mutu bekalan makanan kepada askar-askar kita.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan iaitu syarat-syarat yang ditentukan kepada pembekal adalah jenis-jenis makanan yang dikehendaki untuk dibekalkan kepada angkatan tentera kita. Soalan saya sekarang ialah daripada laporan semalam nampaknya yang diambil oleh Jabatan Kimia adalah at random, maknanya barang-barang yang diuji oleh Jabatan Kimia itu ialah barang-barang makanan yang telah sedia diterima dalam simpanan stok angkatan tentera pada hari ini. Soalan saya ialah setelah mendapat kajian

daripada Jabatan Kimia ini adakah kuasa pihak Kementerian atau tidak barang-barang yang telah dibekal dan telahpun diterima boleh jadi ada di antaranya telahpun dibayar oleh pihak Kementerian walhal masih lagi dalam simpanan stok angkatan tentera barang-barang ini kalau didapati telah diuji oleh pihak Kimia tidak mencukupi seperti kehendak specificationnya. Bolehkah tindakan diambil oleh pihak Kementerian menukarkan balik jenis-jenis barang yang ada dalam simpanan angkatan tentera pada hari ini.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menerangkan sekali lagi makanan-makanan yang diberikan dalam suratkhbar pada hari semalam itu adalah contoh-contoh yang dihantarkan oleh pembekal-pembekal yang mencalunkan dirinya untuk menjadi pembekal, bukan ertinya barang-barang makanan yang telah diterima. Seperti saya katakan tadi hanya pembekal-pembekal yang contoh-contohnya telah diterima oleh pihak Jabatan Kimia sahaja yang tawarannya boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Bekalan Kementerian saya.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kuasa, sekiranya didapati barang-barang makanan yang dihantarkan oleh pembekal-pembekal tidak menepati sebagaimana yang dikehendaki, kita ada kuasa untuk menolaknya dan menggantikan dengan makanan yang baru kerana tidak menepati sebagaimana yang ditetapkan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Sekarang ini kita sudah tahu Jabatan Kimia kita mengambil berat masaalah ujian barang-barang makanan yang dibekalkan kepada angkatan tentera terutama sekali barang-barang kering. Bolehkah pihak Kementerian pada masa yang akan datang minta Jabatan Kimia sentiasa membuat kajian segala barang-barang makanan kering yang dibekalkan kepada angkatan tentera.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Dasar ini memang kita jalankan sekarang.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa barang-barang ini setelah diterima oleh pembekal dan sebelum dihantar kepada askar-askar semasa dibungkus di Batu Caves akan diperiksa. Saya ingin tahu macam manakah pemeriksaan ini dijalankan pada hal barang-barang ini telah dibungkus dalam air-tight plastic ataupun dalam tin.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada makanan-makanan ini dibungkus dalam plastik yang boleh nampak dengan mata kasar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang dalam tin tidak nampak!

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, cara macam manakah yang pihak Kementerian ini menentukan bahawa barang-barang ini layak ataupun sesuai dimakan semasa pemeriksaan dijalankan di Batu Caves, sebab apa yang saya faham di Batu Caves itu tidak ada experts yang boleh dengan cara melihat sahaja dapat menentukan barang-barang itu layak dimakan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi sebelum barang-barang atau item yang dihantarkan oleh pihak pembekal terutamanya dalam tin dan sebagainya kita ambil contoh-contoh itu kita hantarkan sekali lagi kepada Jabatan Kimia untuk menentukan samada barang itu bermutu ataupun sebaliknya dan ada setengah-setengah makanan ini seperti dikatakan tadi dibungkus dalam plastik yang boleh dilihat samada barang itu elok ataupun sebaliknya.

SURAU BAGI HOTEL ANTARABANGSA

16. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Ke-

menterian tersebut bercadang hendak menentukan sesebuah hotel yang bertaraf antarabangsa di seluruh Malaysia, terutama di Sabah dan Sarawak mesti mengadakan surau atau tempat sembahyang bagi kakitangannya ataupun pelanggan-pelanggan yang beragama Islam. Jika ya, bila.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian saya belum lagi bercadang untuk menentukan agar sesebuah hotel yang bertaraf antarabangsa di seluruh Malaysia mesti mengadakan surau atau tempat sembahyang bagi kakitangannya ataupun pelanggan-pelanggannya yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, sudah ada di antara hotel-hotel tersebut yang mengadakan kemudahan-kemudahan untuk pekerja-pekerja dan pelanggan-pelanggan mereka yang beragama Islam untuk menunaikan ibadat sembahyang masing-masing. Di samping itu saya diberitahu bahawa ada beberapa hotel lagi yang belum lagi menyediakan bilik-bilik sembahyang telah menyatakan yang mereka bersedia pada bila-bila masa untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut apabila dikehendaki atau diminta oleh pekerja-pekerja ataupun pelanggan-pelanggan mereka. Bagi pelanggan-pelanggan yang beragama Islam pula Kementerian ini berpendapat adalah lebih selesa bagi mereka itu untuk menunaikan fardu sembahyang mereka kalau mereka tidak berjemaah di bilik masing-masing.

SEKOLAH MENENGAH JIT SIN

17. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Menteri Pelajaran samada beliau sudi menimbang memulakan dua (2) buah kelas Sijil Pelajaran Tinggi bagi penuntut-penuntut di Sekolah Menengah Jit Sin Bukit Mertajam memandangkan keperluan yang didapati di sekolah tersebut dengan adanya tiga bilik makmal yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan sains.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, jawapan untuk soalan ini telahpun dijawab

oleh Y.A.B. Menteri Pelajaran dalam masa menggulung perbahasan atas dasar belanjawan untuk tahun 1978 pada 17.11.1977.

PERTANIAN DI SARAWAK

18. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertanian menyatakan samada apa-apa rancangan secara besar-besaran memajukan pertanian di Sarawak terutama sekali di Bahagian Keenam.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan yang diterima daripada Kerajaan Negeri Sarawak, rancangan-rancangan pamaritan di Paloh Bangau, Paloh Balawai dan Daro dalam Bahagian Keenam sedang dilaksanakan. Rancangan-rancangan ini apabila siap kelak akan memperbaiki keadaan tanah seluas kira-kira 2,600 ekar, 6,000 ekar dan 400 ekar untuk tujuan pembangunan pertanian masing-masing di kawasan tersebut. Rancangan di Daro ialah satu projek printis dan jika didapati berjaya tindakan akan diambil untuk melaksanakan satu sekim secara besaran dalam kawasan yang sama meliputi kira-kira 6,000 ekar tanah. Selain daripada itu, dua lagi rancangan pamaritan telah selesai di Tanjong Jol (2,650 ekar) dan Loba Balu 3,500 ekar dalam Bahagian Keenam di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Kerajaan Negeri selain daripada melaksanakan rancangan-rancangan pamaritan, juga mengadakan projek pembangunan pertanian yang biasa seperti penyelidikan di atas benih-benih bermutu tinggi, kerja-kerja perkembangan mengenai teknik-teknik pertanian moden dan melaksanakan berbagai rancangan subsidi dalam Negeri Sarawak termasuk juga Bahagian Keenam.

KEDET POLIS

19. Datuk James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri:

- (a) berapakah bilangan Kedet-kedet Polis yang ada sekarang bagi satu-satu negeri dan adakah Kerajaan akan menambahkan galakan kepada pemuda-pemuda kita memasukinya dan kiranya ada bagaimanakah galakan itu dijalankan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak memberi latihan kerja-kerja polis (practical), kerja-kerja luar, kepada Kedet-kedet Polis ini, kiranya ada cadangan bilakah akan dimulakan.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga hari ini terdapat 107 platoon seramai 3,745 anggota Pasukan Kedet Polis di seluruh negara iaitu 8 platoon di Sabah, 6 di Sarawak, 6 di Johor, 10 di Negeri Sembilan, 12 di Perak, 10 di Kelantan, 7 di Pahang, 17 di Kedah/Perlis, 7 di Trengganu, 8 di Melaka, 3 di Selangor, 9 di Kuala Lumpur dan 4 di Pulau Pinang. Galakan adalah sentiasa diberikan dengan menjadikan Pasukan Kedet Polis ini satu pasukan yang boleh menarik minat pelajar-pelajar pada latihan-latihan yang dijalankan oleh anggota polis dan aktiviti-aktiviti yang menarik seperti khemah kerja, lawatan sambil belajar ke Pejabat Polis, berkelah dan juga lain-lain latihan pimpinan (leadership training) di pusat-pusat latihan belia serta pengkalan Pasukan Polis Hutan dan tempat-tempat yang lain yang difikirkan perlu.
- (b) Kerajaan tidak bercadang hendak menggunakan anggota Polis Kedet ini dalam menjalankan kerja-kerja polis kerana Pasukan Kedet Polis ditubuhkan bukan dengan tujuan untuk menjadikan sebagai satu unit pembantu seperti Pasukan Sukarelawan Polis atau PVR. Pasukan Kedet Polis ditubuhkan dengan tujuan untuk

menanam semangat kesedaran civic di dalam jiwa muda-mudi dan juga membentuk mereka untuk bertanggungjawab kepada masyarakat dalam bidang pelaksanaan undang-undang serta secara tidak langsung membantu merapatkan perhubungan baik antara polis dengan orang ramai. Dengan tujuan ini latihan dan aktiviti pasukan polis kedet telah dirancang dengan sebegitu rupa untuk memimpin ahli-ahli pasukan kedet polis menuju ke arah pembangunan masyarakat supaya dapat terbentuk satu masyarakat yang berdisiplin dan bertanggungjawab lagi adil berdasarkan kepada prinsip-prinsip Rukunegara. Pasukan Kedet Polis juga diberi latihan untuk mengelakkan penuntut-penuntut daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat serta mengelakkan mereka daripada terlibat dalam aktiviti subversif dan juga penyalahgunaan dadah. Semua anggota Pasukan Kedet Polis adalah diberi latihan ilmiah dan juga amali dari segi tugas dan tanggungjawab polis. Sungguhpun mereka diberi latihan demikian tetapi mereka tidak dibawa untuk bersama anggota polis menjalankan tugas luar kerana anggota-anggota Kedet Polis masih anak-anak lagi dan undang-undang tidak membenarkan mereka diberi kuasa polis. Sungguhpun begitu anggota Pasukan Kedet Polis ini adalah digunakan untuk menjalankan tugas-tugas seperti mengawal orang ramai di temasya sukan sekolah dan lain-lain temasya di sekolah, mengawal trafik di kawasan-kawasan sekolah, pembantu polis bertugas di dalam kawasan-kawasan sekolah.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin; Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua; Masa sudah cukup Yang Berhormat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 adalah diberi di bawah ini).

TALIPON OTOMATIK

20. Datuk Loh Fook Yen minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar semenjak Bandar Kluang menggunakan talipon cara automatik:

- (a) perkhidmatannya kurang jelas dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengadakan perkhidmatan lebih baik lagi;
- (b) berapakah bilangan pemohon-pemohon talipon; dan
- (c) apakah rancangan untuk mempercepatkan permohonan memasang talipon.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):

- (a) Sebuah ibusawat talipon jenis Kabin Otomatik yang mempunyai muatan 2000 talian telah dipasang di Kluang dan telah mula memberi perkhidmatan pada 24.9.77. Pada mulanya terdapat beberapa masalah kecil (teething problems) tetapi masalah ini telahpun diatasi.
- (b) Pada masa ini terdapat 700 pemohon-pemohon talipon yang sedang menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan talipon di Kluang. Tindakan sedang diambil untuk memberi perkhidmatan kepada mereka secara berperingkat-peringkat sebaik sahaja kerja-kerja pemasangan kebel-kebel pelanggan siap. Di kawasan-kawasan di mana kebel-kebel pelanggan tidak mencukupi, tindakan sedang diambil untuk mengadakan kebel-kebel tambahan dan sebaik sahaja ianya siap perkhidmatan akan dapat diberi.

- (c) Sebuah bangunan ibusawat talipon yang baru sedang dibina di Kluang dan dijangka siap pada awal tahun 1978. Apabila bangunan ini siap Jabatan Talikom akan membina sebuah ibusawat talipon baru dengan muatan 4000 talian di Kluang. Apabila ini siap dalam tahun 1979, pelanggan-pelanggan talipon di Kluang dan juga di ibusawat-ibusawat luar bandar yang bergantung padanya akan dapat kemudahan Panggilan Jauh Terus Dail sepenuhnya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (1hb Disember, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, petang semalam ketika Dewan ditangguhkan, Yang Berhormat Menteri Pertanian sedang memulakan jawapan beliau.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menyambung jawapannya.

Kepala B. 24 (Jadual) —

Kepala P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1978)

—

3.36 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, untuk menyambung jawapan yang dimulakan sedikit pada petang semalam, maka saya sukalah menjelaskan iaitu ada Ahli Yang Berhormat menimbulkan masalah kerosakan pada selepas dituai.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan* *Jawatankuasa*)

Masalah ini adalah masalah yang memang dianggap sebagai masalah yang besar dan yang menyebabkan kerugian kepada petani-petani. Perkara ini memang di dalam perhatian Kementerian Pertanian dan satu daripada langkah yang kita sudah mula mencapai kejayaan ialah dengan cara mengadakan jentera yang lebih baik yakni jentera combined harvester yang meliputi operasinya menuai, mengering dan terus memasukkan ke dalam guni-guni dan juga jentera ini boleh digunakan untuk mengangkut terus ke kilang-kilang padi. Jadi jentera combined harvester ini telah mula kita pakai sekarang ini di kawasan MADA dan juga telah mula kita cuba di kawasan Krian secara perlahan-lahan maka kegunaan jentera ini akan cuba diperluaskan ke seluruh kawasan tanaman padi. Dengan demikian, kita dapat lagi meninggikan pendapatan petani-petani padi dengan cara mengurangkan seberapa yang boleh kepada minimum akan kerosakan selepas menuai.

Berkenaan dengan serangan penyakit serangga yang ditimbulkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat, di sini memanglah Jabatan Pertanian mengambil berat perkara serangga ini. Untuk menjamin serangan penyakit atau serangan serangga ini tidak berlaku ini adalah satu perkara yang tak dapat kita buat kerana penyakit ini atau serangan ini bila masa dia

datang, dan kadang-kadang yang kita sudah dapat atasi maka datanglah penyakit atau serangan serangga yang baru. Cuma saya berharap kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dengan cara menggalakkan petani-petani padi supaya membuat kerja seberapa serempak yang boleh. Jangan ada petani baru hendak turun ke bendang, ada yang tengah leka lagi, ada padi sudah mula berbuah, yang ada padi baru hendak ditanam, kerana ini memudahkan serangan serangga atau penyakit-penyakit menyerang. Kalau dibuat serba-serbi dengan serempak maka dapat dikontrol dengan mudah, dapat dikawal dan kalau datang penyakit-penyakit atau serangan ini maka tidaklah begitu teruk. Jadi kerjasama semua pihak terutama sekali daripada pihak petani mengikut panduan-panduan yang diberi oleh jentera-jentera Kerajaan adalah sangat mustahak untuk kebaikan petani-petani sendiri.

Ada Ahli Yang Berhormat yang gaduhkan rancangan Kementerian Pertanian ini terlalu lambat dimulakan. Di sini, saya suka menyatakan iaitu sebelum rancangan yang besar-besar ini kita buat maka terpaksa disiasat dahulu akan segala segi dan kemudian diadakan pilot projek. Kita tidak hendak membuat satu rancangan secara tergesa-gesa kemudian didapati tidak berjaya, orang kampung marah dan wang Kerajaan rugi. Sebab itulah bila hendak mula kita terpaksa lambat oleh kerana terpaksa menyiasat dan menjalankan pilot projek terlebih dahulu apabila sudah pasti maka barulah dijalankan secara cepat akan projek-projek itu.

Ada Ahli Yang Berhormat gaduhkan yakni menimbulkan perkara jentera-jentera bagi Koperasi Peladang, lambat sangat memberi jentera dan tak cukup. Di bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Ketiga ini tiap-tiap satu Koperasi Peladang akan diberi 3 jentera bajak 4 roda ataupun trektor. Yang pertama sekali 100% percuma, yang kedua itu 30% terpaksa dibayar dan 70% percuma, yang ketiga 70% dibayar, 30% percuma.

Mula-mula dahulu dikenakan syarat, bila yang kedua dan ketiga operasi peladang itu hendaklah ada down payment, tetapi memandangkan kesulitan hendak bayar wang muka (down payment) oleh koperasi peladang itu maka beberapa bulan yang lepas ini saya telah mengubah cara itu iaitu jika mustahak satu-satu koperasi peladang itu kita boleh beri selain daripada yang pertama 100% percuma, kedua dan ketiga kita boleh beri tanpa koperasi peladang ini menyediakan wang muka (down payment) dan wang muka itu bolehlah dibayar beransur-ansur dalam masa jentera itu digunakan. Ini dengan tujuan untuk menyenangkan, mempercepat ataupun untuk membolehkan cepat koperasi peladang to make a good start. Ada pula yang menjadi masalah kadang-kadang tentang lambat sedikit pembekalan. Ini adalah oleh kerana bila kita order maka pembekal-pembekal itu lambat dapat membekalkan dengan cukup jumlahnya yang kita perlukan. Kelambatan itu adalah oleh kerana kelambatan datangnya trektor yang dipesan oleh LPP. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapatlah menjelaskan kepada ahli-ahli koperasi peladang di mana-mana tempat tentang menggunakan jentera.

Tentang pemberian jentera sebagaimana saya sebut di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini satu-satu koperasi peladang mendapat tiga jentera beroda empat. Dan criterionnya semata-mata adakah jentera itu dipergunakan ataupun tidak. Kalau dipergunakan kita boleh beri dengan secepat mungkin bahkan dalam tahun 1978 peruntukan kejenteraan ini adalah lebih banyak daripada tahun 1977.

Ahli Yang Berhormat dari Selangor menimbulkan supaya bantuan-bantuan subsidi, nasihat dan sebagainya juga dibuka kepada petani Cina. Saya sukalah menegaskan di sini bahawa perkhidmatan, bantuan, subsidi dan sebagainya adalah untuk semua golongan petani, bukan untuk satu-satu kaum tetapi yang menjadi masalah sedikit bagi petani-petani Cina yakni masalah praktikal. Begini keadaannya yang selalu orang-orang Cina

sendiri pun silap dan mengatakan bantuan subsidi daripada Kementerian ini tidak terbuka kepada orang Cina. Bantuan subsidi kita adalah untuk petani-petani kecil. Kalau hendak bantuan lembu misalnya 1, 2, 3 ekor kalau hendak bantuan kambing 1,2,3 ekor, kalau hendak bantuan ayam misalnya 10-15 ekor. Tetapi orang Cina kalau dia minta untuk menternak babi, dia hendak minta beratus ekor. Kita tak boleh beri. Kalau dia minta anak ayam, dia hendak bantuan beribu-ribu ekor. Yang kita beri sekarang 10-15 ekor untuk menolong petani yang miskin. Jadi inilah masaalahnya. Begitu juga tentang bantuan subsidi tanaman koko. Oleh kerana baru-baru ini harga kopi naik melambung, beberapa orang Cina berjumpa saya bertanya: "Bolehkah dapat subsidi?". Saya kata, boleh untuk petani yang kecil yang miskin. "Oh! saya hendak tanam 30 ekar," katanya. Saya kata: 30 ekar petani makmur, kita tak bantu. Kalau hendak bertanam antara $\frac{1}{2}$ ekar sampai 5 ekar yakni petani miskin yang kecil, boleh dibantu, boleh diberi subsidi.

Bagi masaalah orang-orang Cina yang banyak sangat saya berjumpa ialah mereka hendak secara commercial secara besar-besaran yakni kalau mereka hendak bantuan subsidi anak babi sampai beratus ekor, kalau anak ayam sampai beribu ekor. Itu tak dapatlah diberi kepada mereka dan dengan itu mereka menyangka subsidi ini tidak terbuka kepada orang Cina. Inilah kesulitannya. Sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa bantuan-bantuan kita ialah kepada petani dan nelayan yang miskin. Petani yang sudah makmur, yang sudah mempunyai tanah berpuluh ekar, penternak yang sudah boleh menternak ayam beribu ekor ataupun menternak babi beratus ekor, petani macam itu tidaklah kita beri percuma, bahkan perkhidmatan kitapun misalnya injection ubat-ubat kita kenakan bayaran tetapi sekadar untuk pulang modal Kerajaan sahaja. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah salah anggap atau salah pandang akan Kementerian ini oleh kerana beberapa hal yang saya sebutkan tadi dan Kementerian ini berkhidmat untuk semua

petani, semua nelayan, semua penternak, terutama bagi mereka yang miskin, sebab kita tidak dapat wang dengan tidak terbatas. We do not have an unlimited amount of money. Jadi wang yang terhad yang ada pada kita itu kita hendak gunakan kepada orang-orang yang lebih memerlukan bantuan dan bukan atas dasar perkauman ataupun sebagainya.

Satu perkara yang selalu keliru iaitu polisi tentang pemasaran hasil pertanian. Ada Ahli Yang Berhormat meminta supaya hasil pertanian itu dipasarkan oleh FAMA. Kalau FAMA memasarkan semua hasil pertanian maka tidaklah ada peranan swasta atau private sector dalam pemasaran pertanian. Kalau adapun keuntungan daripada pemasaran akan berbaliklah kepada Kerajaan. Saya suka menerangkan di sini iaitu dalam sistem pemasaran hasil pertanian negara kita pertama sekali yang kita kehendaki menjalankan pemasaran ialah koperasi peladang. Kita berkehendakkan mereka menjalankan pemasaran dan peranan LPP, dan FAMA ialah untuk membantu. Misalnya, peranan FAMA untuk membantu, memberikan maklumat, mengadakan hubungan, menemukan hubungan-hubungan dengan pembeli. LPP juga membantu tentang hal-hal yang lain, tetapi koperasi peladanglah yang memasarkan. Itu ketutamaannya. Jika sekiranya koperasi peladang tidak dapat menjalankan oleh kerana kelemahan mereka, maka barulah FAMA masuk campur memasarkan dengan tujuan bukanlah FAMA hendak kekal memasarkan selama-lamanya tetapi apabila koperasi peladang telah dapat keupayaan memasarkan atau memproses maka usaha memasarkan dan memproses itu diserahkan kepada koperasi peladang. Oleh kerana di setengah tempat FAMA terpaksa berbuat oleh kerana koperasi peladang belum lagi mampu membuat. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat faham sepenuhnya akan polisi yang berkenaan dengan pemasaran hasil pertanian oleh koperasi peladang dan oleh FAMA.

Begitu juga hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani ataupun peladang-peladang

yang diselaraskan oleh koperasi peladang, LPP dan FAMA tidak mengalami kesulitan pemasaran. Sebab sebelum ditanam pokok-pokok itu sebelum dikeluarkan hasil, pasaran telah dikaji terlebih dahulu, berapa banyak pasaran dan di mana pasaran. Tetapi sebagaimana kita ketahui iaitu pada masa sekarang ini hitung panjang di seluruh negara kita hanya 30% sahaja daripada peladang, petani yang menjadi ahli koperasi peladang 70% tidak menjadi ahli. Mereka yang bukan ahli inilah yang menanam, mengeluarkan hasil mengikut sesuka hati masing-masing yang tidak diselaraskan. Oleh kerana itu bila mereka hendak memasarkan, maka selalulah mereka menempuh masalah pemasaran. Kalau kita hendak kajikan pun yakni kesilapan itu adalah terletak kepada petani-petani kita kerana tidak hendak masuk ke dalam satu sistem yang telah diatur dan disediakan oleh Kerajaan. Walaupun begitu LPP telah diarahkan supaya cuba menarik sebanyak-banyaknya peladang atau petani masuk menjadi ahli koperasi peladang dan dengan demikian kegiatan pertanian mereka dapat diselaraskan dalam bentuk hendak mengeluarkan, menanam sehinggalah hendak memasarkan atau hendak memproses. Kalau sekiranya semua petani atau peladang menjadi ahli koperasi peladang maka masalah pengeluaran, masalah pemasaran, masalah memproses dengan masalah demand dalam negara ini dapat kita atasi masalah pemasaran. Selagi petani-petani terpencil atau tersendiri maka amatlah susah hendak diselaraskan antara supply dengan demand satu-satu barang.

Ada orang berkata kenapa FAMA tidak beli segala apa yang dikeluarkan. Kalau pada satu-satu masa katakanlah sayur bayam, terlalu banyak dikeluarkan bayam FAMA beli. Lepas beli hendak buat apa? Hendak disimpan (stock) bertahun-tahun macam kita simpan bijih timah, simpan getah, tidak boleh. Kalau kita beli hari ini dua hari kemudian tidak dimakan akan rosak. Kalau dikehendaki FAMA beli, FAMA boleh beli tetapi mana hendak dapat duit. Kerajaan keluarkan duit. Kerajaan keluarkan duit, dari

mana datang? Daripada cukai juga. Kalau berkehendakkan supaya FAMA beli segala-gala yang dikeluarkan, adakah kita semua sanggup menanggung beban kewangan daripada hasil yang dikeluarkan yang tidak diselaraskan di antara supply dengan demand? Sekarang ini mana yang termasuk dalam jentera Kerajaan, koperasi peladang, LPP, FAMA kita cuba selaraskan, antara demand dengan supply. Kita kira berapa demand dan supplynya kita keluarkan secukup-cukup untuk keperluan demand. Bagi kegiatan melalui koperasi peladang yang dibantu oleh LPP dan FAMA masalah ini tidak timbul biasanya. Masalah yang timbul ini ialah bagi peladang-peladang atau petani-petani yang tersendiri-sendiri, terpencil-pencil dan tidak siapa yang koordinasi. Bila diajak masuk koperasi peladang mereka liat lagi hendak masuk sampai hari ini. Sehingga hari ini lebih kurang 30% sahaja petani atau peladang yang masuk ke dalam koperasi peladang. Inilah kedudukannya. Untuk berkehendakkan FAMA supaya beli segala hasil ini saya fikir tidak praktikal, silap-silap nanti kita menjadi macam setengah-setengah negeri oleh kerana Kerajaan memberi jaminan akan membeli segala hasil itu maka petani mengeluarkan sebanyak-banyaknya tidak kira apa, sebab Kerajaan sudah pasti beli, Kerajaan sudah pasti beri subsidi seberapa banyaknya maka dia keluarkanlah. Kerajaan beli, tidak tahu hendak buat apa, simpan. Akhirnya campak dalam laut ataupun bakar. Bagi negara kita saya fikir Kerajaan kita tidaklah ada wang sehingga tidak berhad sama sekali.

Ada Ahli Yang Berhormat mengatakan petani-petani yang tidak bertanah patutlah diberi tanah. Perbahasan itu dikemukakan di bawah Kementerian Pertanian yakni bukanlah bertanggungjawab saya hendak membuka tanah baharu dan bukanlah kuasa itu di bawah Kementerian Pertanian. Sepatutnya perbahasan berkenaan dengan memberi tanah kepada orang-orang yang tidak bertanah itu di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan kuasanya pada Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi yang saya

hendak tegaskan di sini ialah kita menghadapi masalah kemiskinan petani-petani ini dengan dua cara. Satu dengan diberikan mereka lebih tanah samada tanah tambahan di tempat itu ataupun dipindahkan mereka ini di bawah Kementerian yang lain. Satu cara kita mengatasi masalah kemiskinan petani-petani ialah dengan cara *in situ* development yakni pembangunan di tempat yang ada itu. Misalnya kalau dia ada tanah kebun kelapa tiga ekar maka kita pulihkan dia, kita bangunkan dia di atas tanah tiga ekar itu. Misalnya, dari segi kelapa, kelapa baka baharu, baka mawar yang baik dipulihkan. Sebab itu kita ada rancangan pemulihan kelapa dan selain daripada itu hasil kelapanya tiga kali ganda daripada kelapa traditional. Ini satu cara kita memberi *in situ* development. Satu lagi ialah dengan inter-cropping, menanam tanaman-tanaman selingan seumpama koko dan kopi dan ini kita menambahkan berlipat ganda pendapatan dan jika perlu ataupun boleh maka kita beri dia ternakan. Kalau pendapatannya dahulu rendah maka dia boleh berlipat kali ganda dengan cara tidak payah dia berpindah ke tanah-tanah yang lain dengan cara barangkali kalau setengah tempat kalau tiada tanah dia tidak payah menambahkan tanahnya tetapi pendapatan dapat ditambah berlipat kali ganda. Inilah apa yang dikatakan sistem yang satu lagi iaitu *in situ* development dan *in situ* development ini adalah peranan yang penting yang boleh dimainkan yang ditugaskan kepada Kementerian Pertanian dan inilah yang kita jalankan sungguh-sungguh sekarang, inter-cropping, ternakan dan lain-lain lagi.

Ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat menimbulkan masalah kenaikan harga ikan yang melambung-lambung sekarang ini. Masalah ikan ini adalah satu masalah yang rumit (very complicated) dalam negara kita ini, terutama sekali kalau kita tengok daripada graph, daripada statistik kita adalah deficit di dalam ikan yakni kita makan ikan lebih banyak daripada yang kita keluarkan sendiri. Ini asasnya yang pertama. Bila deficit pengeluaran dan penggunaan, bila ada tidak seimbang maka dengan automatik harga ikan

akan naik. Masalah kedua ialah masalah sistem pemasaran kita sekarang ini. Berkenaan dengan pemasaran juga satu perkara yang rumit, macam-macam issue timbul seperti issue ekonomi, issue sosial dan lain-lain, ini satu perkara yang rumit. Saya telah mengarahkan supaya MAJUIKAN mengkaji secara menyeluruh akan sistem pemasaran ikan di dalam negara kita ini dan saya berharap seberapa cepat yang boleh MAJUIKAN dan mengemukakan syor-syor dan pandangan-pandangannya untuk ditimbang oleh Kerajaan apa hendak buat tentang sistem pemasaran ikan dalam negara kita ini.

Ada Ahli Yang Berhormat mengatakan mengeluarkan lesen pukut tunda banyak-banyak supaya nelayan dapat cari makan. Sekarang ini makin banyak lesen pukut tunda kita keluarkan tiap-tiap seorang itu makin sedikit dia dapat ikan sebab sudah over exploitation, over catching of fish di dalam perairan kita di bawah dua belas batu. Kalau kita keluarkan lesen pukut tunda banyak-banyak pun bukan kita jadikan tiap-tiap nelayan itu makin senang, makin kaya, kita jadikan tiap-tiap nelayan itu makin miskin, makin papa. Maka pandangan yang mengatakan banyakkannya lesen pukut tunda ini kepada nelayan supaya dia dapat rezki inilah satu pandangan yang suntuk, satu pandangan orang yang tidak faham akan kedudukan ikan. Apakah yang hendak kita buat tentang sumber perikanan kita yakni tangkapan ikan kita sekarang ini kurang daripada penggunaan dan kita terpaksa impot ikan. Pertama sekali ada idea supaya kita larang atau tahan ekspot. Ekspot kita yang banyak sekali ialah pertama udang yang besar-besar, yang kita ekspot dalam bentuk deep freeze ke luar negeri. Tentang ikan-ikan biasa yang murah-murah sedikit ini yang dimakan orang ramai kita tidak ekspot bahkan kita impot yang banyak. Yang kita ekspot ialah jenis-jenis udang dalam bentuk deep freeze. Kalau kita hendak kaji pula betullah idea Ahli Yang Berhormat melarang ekspot ikan ini untuk menolong orang miskin. Tetapi udang yang besar-besar yang harga sampai \$7-\$8 sekati kalau kita

larang eksport, depress the price, turunkan harga sampai \$4 sekalipun orang-orang miskin pun dia tidak mampu juga, nanti yang untung pun orang yang senang-senang juga. Orang yang senang lagi untung tetapi nelayan pula yang paling teruk. Maka sebab itulah sehingga pada masa ini saya amat berhati-hati untuk menimbangkan perkara melarang eksport ikan sebab saya tahu yang banyak kita eksport ialah udang-udang yang besar-besar bahkan udang-udang yang sedang-sedang, yang kecil-kecil kita tidak eksport. Udang yang besar-besar yakni yang besar macam ibu kaki besarnya itulah yang kita eksport. Barangkali 4-5 ekor sekati, itu yang kita eksport. Jadi orang biasa, orang kebanyakan, orang miskin apatah lagi tidak pernah merasapun udang ini. Kalau kita larangpun kita menyenangkan orang yang sudah senang, orang yang susah dia tidak merasa juga. Sebab itulah saya berhati-hati. Kalau sesungguhnya akan menyenangkan orang yang betul-betul miskin ini saya lebih mudah berbuat begitu. Ini yang saya bimbangkan orang yang senang akan menjadi lebih senang, lebih makmur, duitnya pun kalau dahulu \$8 boleh beli sekati akan datang boleh beli 2 kati, 3 kati tetapi nelayan yang makin teruk, ini saya tidak tergamak, tidak dapat berbuat demikian. Sebagai Menteri Pertanian, saya terpaksa menimbangkan kepentingan nelayan-nelayan itu yang saya utamakan terlebih dahulu.

Soal melarang eksport ini bukanlah satu huraian yang terbaik walaupun pada sekali imbas nampak terbaik. Ada lagi satu perkara yang sekarang ini makin banyak kita eksport ialah obor-obor (jelly fish) yang saya fikir tidak ada seorang pun manusia Malaysia ini makan jelly fish. Sekarang ini kita makin lama makin banyak eksport terutama daripada negeri Sarawak. Kalau ini juga kita hendak larang, siapa lagi yang hendak makan. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar hendak makan obor-obor ini, banyak dia boleh habiskan. Saya fikir sanggup juga saya melarang eksport obor-obor ini. Kita tidak pernah makan obor-obor (jelly fish). Pada masa yang lalu kita tangkap dan kita buang;

kita tangkap kita buang, tetapi sekarang ini nampaknya orang Jepun ada pelek sedikit, benda yang kita tidak makan, mereka makan. Benda yang paling tidak berguna kepada kita, istimewa pula kepada mereka. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, patut juga saya ceritakan, di antara ikan yang paling digemari di negeri Jepun, yang paling special ialah ikan buntal. Harganya paling mahal, tetapi malangnya pula di negeri kita ini tidak cukup banyak ikan buntal yang kita hendak eksport ke negeri Jepun.

Berkenaan dengan kekurangan ikan, apakah langkah Kerajaan khasnya Kementerian Pertanian hendak membanyakkan ikan-ikan, sumber ikan dan pengeluaran ikan di dalam negara kita. Tanggungjawab Kementerian Pertanian bukanlah setakat melarang itu dan ini. Usaha kita ialah membanyakkan ternakan ikan air tawar, ternakan ikan air payau (aqua-culture) dan ternakan ikan laut (ikan masin) — ternakan ikan laut di tengah laut bukan di atas tanah (cage culture). Rancangan ikan air tawar kita sudah jalankan, kita sudah ada sekim dan siap dengan subsidiya, tinggal lagi terpulanglah kepada sambutan rakyat untuk menerima rancangan ternakan ikan air tawar. Ternakan ikan air payau ini, kita ada bantuan subsidiya dan sudah kita sediakan, tetapi kita menempuh sedikit masaalah yang terpaksa kita rundingkan bahawa ternakan ikan air payau ini memerlukan tanah-tanah berbaran (swamp land) di tepi laut. Jadi, tanah-tanah berbaran ini biasanya digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk forest reserve terutama sekali kayu bakau ataupun untuk mengelakkan hakisan (erosion) oleh Jabatan Parit dan Taliair. Bagi Jabatan Parit dan Taliair tidak ada masaalah sangat sebab ianya di bawah Kementerian saya, tetapi bagi forest reserve terutama kayu bakau, ini mendatangkan hasil yang banyak kepada Kerajaan Negeri sedangkan kalau diberikan TOL untuk ternakan ikan air payau, cukai TOLnya itu tidak berapa ringgit. Ini terpaksa di jelaskan kepada Kerajaan Negeri. Saya bercadang hendak koordinasikan polisi ternakan ikan air payau ini dengan pihak Kerajaan Negeri

supaya Kerajaan Negeri dapat memberikan TOL kepada tanah-tanah berbaran ini untuk ternakan ikan air payau. Kalau Kerajaan Negeri tidak memberikan kerjasama maka saya pun tidak dapat berbuat banyak, kerana memerlukan tanah-tanah di tepi-tepi pantai. Kalau Kerajaan Negeri lebih memerlukan revenue daripada royalty kayu bakau atau sebagainya, maka terpaksa terjejas program kita hendak menternak, hendak mengeluarkan ikan dengan lebih banyak.

Yang pertama, kita berternak. Yang keduanya, kita sedang mengatur rancangan hendak membuat terumbu-terumbu buatan manusia (artificial reef) untuk membaiki ikan-ikan di bawah laut kita. Di tepi-tepi pantai terutama di bawah 12 batu oleh kerana pukut tunda telah kacau tanah-tanah untuk ikan hendak bertelur, hendak beranak, binatang-binatang halus di bawah air ini telah banyak yang rosak, jadi sumber makanan ikan kurang, telah rosak. Oleh kerana itu Kementerian Pertanian sekarang ini sedang menyusun satu program untuk membuat artificial reef seberapa banyak yang sesuai sepanjang-panjang laut kita dengan tujuan menjadikan pusat-pusat atau tempat-tempat supaya ikan lebih banyak biak dan dengan demikian pengeluaran ikan yang hendak ditangkap itu adalah banyak.

Yang ketiganya, ialah program hendak mengalihkan nelayan-nelayan kita ke tengah laut. Kebanyakan nelayan-nelayan kita menangkap ikan ialah ditepi pantai yakni antara 12 batu sampai ke pantai. Di sinilah tertumpunya nelayan-nelayan yang menangkap ikan di negara kita. Makin banyak nelayan, makin kurang tiap-tiap seorang itu mendapat ikan. Langkah Kementerian ialah hendak menggalakkan nelayan-nelayan pergi ke tengah laut 12 batu ke atas. Dalam hal ini, kita tahu hendak pergi menangkap ikan di lautan dalam memerlukan modal yang lebih dan sekarang ini peruntukan subsidi kita ialah **bagi nelayan-nelayan artisan. Walaupun begitu, Kementerian Pertanian akan mula memberikan insentif dan subsidi kepada**

sebahagian nelayan-nelayan di tepi pantai ini kalau hendak pergi ke tengah laut maka kita bersedia memberikan subsidi yang lebih untuk membuat langkah permulaan mengalihkan nelayan-nelayan pantai pergi jauh ke tengah laut, yakni pergi 30 batu ke atas daripada pantai. Pada masa yang lalu, kita tidak ada memberikan bantuan, tetapi sekarang ini Kementerian Pertanian akan memulakan pilot project di mana beberapa orang nelayan akan kita berikan bantuan subsidi untuk mereka pergi ke atas 30 batu. Kita akan mencuba dahulu, misalnya percubaan permulaan kita akan cuba dengan nelayan-nelayan di Kelantan, Kedah, dan juga di Perak sebagai permulaan. Kalau kita dapati usaha pilot project ini berjaya, maka kita akan memikirkan atau menimbangkan pada masa hadapan untuk mengadakan subsidi ataupun bantuan secara yang lebih teratur sebagaimana bantuan kepada nelayan-nelayan kecil di tepi pantai atau nelayan artisanal sekarang. Ini adalah beberapa langkah yang besar secara positif Kementerian ini untuk membanyakkan sumber dan bekalan ikan bagi negara kita.

Berkenaan dengan banjir di Ibukota, iaitu dalam tahun 1978 kita akan menubuhkan Jabatan Parit dan Taliair khas bagi Wilayah Persekutuan.

Ada Ahli Yang Berhormat menimbulkan kenaikan harga kopi dan kekurangan kopi di negara kita. Saya suka menjelaskan pada masa yang telah lalu oleh kerana harga kopi terlalu rendah dan pendapatan tanaman kopi bagi petani-petani terlalu rendah dan tidak menguntungkan, memanglah Kementerian Pertanian pada masa yang telah lalu tidak mengutamakan tanaman kopi oleh kerana pendapatan bagi petani-petani adalah sangat rendah. Patutlah saya tegaskan di sini iaitu Kementerian Pertanian menggalakkan petani-petani dengan memberi pertimbangan, pertama sekali adakah ianya akan mendatangkan pendapatan yang tinggi ataupun rendah. Kalau rendah sangat pendapatannya maka Kementerian Pertanian tidak menggalakkan, walaupun tanaman itu boleh ditanam, tetapi

kalau tinggi, maka ia akan digalakkan. Dalam konteks inilah pada masa yang telah lalu oleh kerana harga kopi terlalu rendah dan pendapatan daripada hasil kopi terlalu rendah maka Kementerian Pertanian tidak menggalakkan, tetapi sekarang ini Kementerian Pertanian telah menggalakkan dan adalah dianggarkan bahawa harga kopi akan kekal tinggi, jadi tinggal lagi berapa tinggi sahaja soalnya, tetapi rasanya mustahillah berbalik harganya sebagaimana asal dahulu. Dan penyelidikan kopi adalah kita perkuatkan dan kita intensify.

Berkenaan dengan cukai lada hitam hendak dihapuskan itu, saya fikir ini satu permohonan yang tidak patut. Orang lain semua bayar cukai, yang bertanam lada hitam tidak mahu bayar cukai, yang berniaga lada hitam tidak mahu bayar cukai, saya fikir ini tidak patut yakni kalau kita hendak entertain permohonan macam ini sudah tentu Menteri Kewangan tidak menimbangkan dan saya pun sebagai individual pun berkata tidak patut. Cuma Kementerian Pertanian sedang mengkaji bebanan (load) cukai lada hitam ini adakah terlalu berat jika dibandingkan dengan tanamantanaman yang lain. Kalau sekiranya load (bebanan) cukai lada hitam ini terlalu berat maka itu saya hendak berunding dengan Menteri Kewangan supaya dapat diringankan, biarlah ada persamaan, ada keseimbangan dengan load (bebanan) cukai bagi tanamantanaman lain. Kalau hendak minta cukai ini dihapuskan, dalam masa lawatan saya di Sarawak dulu saya pun sudah sebut kalau hendak hapuskan cukai ini tidak usah cakaplah, saya tentu tidak setuju dan mustahil dapat dijalankan.

Berkenaan peruntukan di Sarawak ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengatakan sedikit sangat, token \$30 sahaja. Di sini sukalah saya mengatakan iaitu bagi Sarawak barangkali di sini nampak sedikit ataupun token sahaja, barangkali peruntukan itu tidak termasuk melalui Federal sebab bagi Sarawak dan juga bagi Sabah setengahnya terus sahaja daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan

Negeri kemudian Kerajaan Negerilah yang allocate kepada Kementerian-kementerian jadi tidak melalui saya. Misalnya, kalau perikanan bagi Sarawak itu melalui Kementerian Pertanian sebab bagi Sarawak perikanan laut adalah tanggungjawab dan kuasa Kementerian Pertanian Federal, jadi nampak banyaknya. Tetapi bagi setengah jabatan itu Jabatan Negeri, di bawah kuasa negeri, jadi tidak nampak disebut di bawah peruntukan Kementerian saya dan ini bukanlah pula bererti bahawa Kerajaan Pusat tidak memberikan wang kepada Kerajaan Negeri Sarawak ataupun Sabah dalam hal-hal yang seumpama ini, cuma format sahaja yakni bentuk bagaimana peruntukan kewangan itu diadakan.

Berkenaan dengan penyelidikan di Sarawak dan di Sabah suka juga saya menyebutkan di sini, di Sarawak dan di Sabah Penyelidikan Pertanian termasuklah lada hitam adalah dijalankan oleh Jabatan Pertanian negeri-negeri itu sedangkan di Semenanjung ini ataupun di peringkat Persekutuan penyelidikan dibuat oleh MARDI. Jadi dalam keadaan, dalam arrangement ataupun peraturan yang ada ini maka kekallah Jabatan Pertanian di negeri Sabah dan Sarawak menjalankan penyelidikan bagi pertanian termasuklah lada hitam sebagaimana disebut oleh seorang Ahli Yang Berhormat itu. Walaupun begitu sukalah saya menyebutkan di sini dalam lawatan saya ke Sabah dan ke Sarawak baru-baru ini telah kita capai persefahaman iaitu mengadakan koordinasi yang sangat rapat di antara penyelidikan di Sabah dan Sarawak dengan MARDI di sini, bahkan lawat-melawat, tukar-menukar pegawai, saling bantu-membantu antara satu sama lain, jadi persefahaman macam ini telah pun dicapai antara saya bagi pihak Kerajaan Persekutuan dengan pihak di Sarawak dan di Sabah. Jadi tentang penyelidikan di Sarawak misalnya ada kebimbangan sedikit Ahli Yang Berhormat itu saya rasa tidaklah timbul cuma barangkali mereka itu kekurangan tenaga pegawai dan scientists. Yang ini kalau sekiranya dirundingkan maka bagi pihak Kementerian Pertanian sanggup memberikan kerjasama, samada dalam meminjamkan pegawai

kalau dikehendaki atau sebagainya, bolehlah ditimbangkan.

Ada Ahli Yang Berhormat gaduhkan yakni dalam rancangan-rancangan padi tidak ada koordinasi antara satu jabatan dengan jabatan yang lain. Dalam negara kita ini rancangan pembangunan kawasan misalnya MADA, atau KADA dia ada badan berkanun diselaraskan dengan ada kuatkuasa undang-undang, tetapi ada pula setengahnya seperti di Johor Barat dia ada Jawatankuasa Pemandu sahaja yakni semua jabatan, semua agensi itu disatukan di bawah Jawatankuasa Pemandu (Steering Committee). Di tempat-tempat yang lain biasanya di bawah Jawatankuasa Tindakan Daerah yakni Pegawai Daerahlah yang menjadi ketua yang memandukan dan dalam hal ini Rancangan Besut pun macam ini juga iaitu Pegawai Daerahlah yang mengkoordinasi, yang menyelaraskan jadi sepatutnya tidak ada lagi complaint tentang tidak ada penyelarasan kecuali kalau Pegawai Daerah itu seorang pegawai yang lemah, sepatutnya tidak berlaku lagi. Dan di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah ini dalam banyak tempat saya percaya wakil-wakil rakyatnya pun ada duduk di dalamnya sebagai ahli penuh. Jadi kurangnya penyelarasan ini sepatutnya tidak timbul.

Tentang Penyelia-penyelia KEMAS ini hendak diberi latihan, memang sekarang ini kita jalankan sebab saya sedar iaitu tanggungjawab yang dipikulkan kepada Jabatan KEMAS ini samada pembangunan keluarganya ataupun yang lain-lain sangat berat maka kita sedang melatih semua sekali secara berperingkat-peringkat penyelia-penyeliannya, guru-gurunya dan lain-lainnya kita latih di dalam berbagai-bagai perkara.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi hendak jawab Yang Berhormat?

Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad: Sudah hendak habis. Tentang Bank Pertanian, ada Ahli Yang Berhormat menimbulkan perkara Bank Pertanian. Saya mengucapkan terima

kasih, dia pun ucap terima kasih dan tahniah kepada Bank ini. Pada masa sekarang ini Bank Pertanian tidaklah mengalami kesulitan wang. Bank Pertanian boleh menampung keperluan wang yang dikehendaki oleh petani-petani pada masa sekarang ini, sekadarkan macam saya sedar yang menjadi masalah sedikit fasal kadar faedahnya (rate of interest). Jadi, ini saya mengambil langkah seberapa boleh hendak dikurangkan rate of interestnya. Jadi sekarang ini tidaklah ada masalah punca kewangan dan juga Bank Pertanian ini dia berkembang membuat cawangan-cawangan-nya bergantunglah kepada infrastruktur dan lain-lain juga yang boleh membantu mereka. Jadi dalam ertikata yang lain, perkembangan Bank Pertanian ini adalah secara planned growth, kita tidak membuat macam cendawan tumbuh sahaja. Jadi itulah berkenaan dengan Bank Pertanian. Walaupun begitu, Bank Pertanian ini tidaklah dihadkan di bawah Banking Ordinance. Soal hendak menubuhkan cawangan Bank Pertanian mendapat kebenaran daripada Bank Negara itu tidak timbul kerana dia di bawah Undang-undang yang tersendiri, tidak di bawah Banking Ordinance. Jadi criterionnya adalah semata-mata dari segi planned growth, tidak dari segi orang lain tahan — tidak.

Saya fikir itulah sahaja yang perlu saya jawab dan sekali lagi penutupnya apa-apa yang tidak saya sebut secara specific, maka saya menjamin bahawa perkara-perkara itu adalah diambil ingatan dan dikaji, mana yang perlu kita jalankan, yang boleh kita jalankan; kita jalankan, dan mana yang tidak itu tidaklah. Jangan pula dikata nanti penat bercakap di dalam Dewan Rakyat, Menteri jawab pun tidak, tindakan pun selepas itu tidak ada langsung. Sebab itulah saya berkata dari sekarang juga iaitu kita kaji mana yang boleh kita jalankan, kita jalankan; mana yang tidak boleh kita jalankan, kita diamkan begitu sahaja.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$171,767,200 untuk Kepala B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$381,051,215 untuk Kepala P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Tuan Pengerusi: Sebagaimana yang diumumkan pada hari semalam maka saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya untuk Kepala B. 31 dan P. 31.

Kepala B. 31 (Jadual) —

Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan, 1978)

—

4.19 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddin Al-haj): Tuan Pengerusi, seperti tahun-tahun yang lepas saya ada satu Kepala sahaja yang hendak dikemukakan iaitu di bawah Kepala Bekalan B. 31 sebanyak \$57,783,200 yang terdiri daripada Belanja Mengurus sebanyak \$53,764,200 dan peruntukan Pembangunan sebanyak \$4,019,000 untuk pertimbangan dan diluluskan di Dewan ini.

Sebagai pengetahuan dan perbandingan Ahli-ahli Yang Berhormat, perbelanjaan Kementerian saya bagi tahun 1977 adalah \$53,996,000 terdiri daripada \$46,050,000 Belanja Mengurus dan \$7,946,000 peruntukan Pembangunan. Dengan ini bermakna perbelanjaan telah bertambah sebanyak \$3,787,200 atau 7.01%.

Tambahan ini dipandang wajar dan sejajar dengan perkembangan aktiviti-aktiviti yang meningkat dari tahun ke tahun dan seimbang dengan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Kementerian saya untuk mencapai objektif-objektif dasar luar kita.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum fungsi utama Kementerian ini atau Wisma Putra adalah untuk memelihara dan memupuk persefahaman dan kehar-

monian dalam hubungan antarabangsa. Dalam soal ini, Wisma Putra telah memainkan peranan penting menilai perkembangan politik di seluruh dunia di samping membantu Kerajaan merumus, merancang dan membentuk satu dasar luar negeri yang positif dan dinamik.

Dasar luar kita berlandaskan kepada sifat keperibadian negara kita yang percaya dan berpegang teguh kepada prinsip mengadakan hubungan baik dengan semua negara di dunia tanpa memperhitungkan sistem sosio-ekonomi dan politik negara-negara itu dengan syarat mereka ingin dan mahu menjalinkan hubungan baik dengan kita.

Berasaskan kepada prinsip itu, kita telah menyarankan kepada dunia bahawa kita berpegang teguh kepada dasar berkecuali dalam politik antarabangsa dan ingin mewujudkan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan yang aman, bebas dan berkecuali. Kita juga, seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia ketahui bersama-sama dengan negara-negara jiran telah mewujudkan kumpulan ASEAN yang bertujuan semata-mata untuk memajukan kedudukan sosio-ekonomi rantau ini yang akan memberikan menafaat kepada rakyat masing-masing.

ASEAN bagi memajukan kepercayaan kita dalam konsep kerjasama serantau, kita telah mengambil dan memainkan peranan yang penuh dan positif dalam semua aktiviti-aktiviti ASEAN. Kejayaan ASEAN sebagai alat perpaduan negara-negara anggota telahpun kita saksikan bersama dengan adanya minat dan sokongan yang telah diberikan oleh masyarakat antarabangsa terutama sekali daripada negara-negara maju dan pertumbuhan-perubahan antarabangsa.

ASEAN dewasa ini telahpun matang dan hasilnya yang secara langsung dan tidak langsung telahpun dirasakan oleh rakyat negara masing-masing. Untuk membangun dan memajukan taraf sosio-ekonomi rakyat rantau ini ASEAN telah mengadakan dialog dengan

Negara-negara Jepun, Australia, New Zealand, Kanada, Amerika Syarikat dan EEC. Dailog-dailog ini telahpun berjaya memperhebatkan kegiatan perdagangan barangan utama negara-negara ASEAN ke pasaran negara-negara itu dan juga menimbulkan kepercayaan mereka untuk melaburkan modal dan memberi kredit kepada Negara-negara ASEAN.

Pada 4hb-5hb Ogos lalu di Kuala Lumpur, kita telah bersama-sama menyaksikan puncak aktiviti ASEAN dengan berlangsungnya Persidangan Kemuncak Ketua-ketua ASEAN diikuti dengan Persidangan Ketua-ketua ASEAN dengan 3 Ketua-ketua Negara lain, iaitu Australia, Jepun dan New Zealand. Buat kali pertama dalam sejarah 8 Ketua Kerajaan berhadapan antara satu sama lain dengan tujuan untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat masing-masing. Kemuncak ASEAN itu juga akan mempesatkan lagi usahanya bagi menjayakan segala rancangan-rancangan kerjasama yang telah dipersetujui. Pendekata menumpukan perhatian mengenai masalah barang-barang eksport dan rancangan-rancangan kerjasama seperti dalam bidang sosial, kebudayaan, pengangkutan dan pertanian.

Pada tahun yang akan datang, Malaysia tetap akan menceburkan diri untuk berkecimpung dengan lebih aktif lagi untuk meninggikan prestasi ASEAN sebagai negara-negara membangun yang dinamik dan positif. Selain daripada ini Malaysia telahpun memainkan peranan yang aktif juga di dalam persidangan antarabangsa seperti persidangan negara-negara berkecuali (non-aligned) dan persidangan negara-negara Islam, Negara-negara Komenwel dan persidangan antarabangsa yang lain.

Tuan Pengerusi, di samping hubungan dua hala (bilateral) dan berbagai hal (multilateral) dengan Negara-negara ASEAN, Malaysia juga mempunyai hubungan baik dengan Negara Indo-China. Pemimpin-pemimpin negara dari Negara-negara Indo-China telah melawat

negara kita pada awal tahun ini dan saya sendiri telah melawat negara-negara itu dalam bulan Mei tahun ini juga. Hubungan itu yang berpegang teguh kepada hormat-menghormati telah menjalinkan hubungan yang erat serta telah menimbulkan kesefahaman antara Malaysia dengan mereka dalam beberapa aspek yang melibatkan hal ehwal rantau ini. Mereka juga telah memahami konsep yang kita majukan, iaitu mewujudkan Asia Tenggara ini sebagai satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali.

Tuan Pengerusi, untuk mencapai objektif sebagai kawasan yang aman, bebas dan berkecuali, perlulah ada kerjasama dan ini telahpun dicapai melalui ASEAN dan juga melalui hubungan baik dengan Negara-negara Indo-China seperti yang saya ulaskan tadi. Ketua-ketua ASEAN yang bersidang di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1977 telah mengambil langkah yang ke hadapan dengan mengarahkan negara-negara anggota membincangkan dengan lebih mendalam untuk mengambil daya utama mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) itu dengan secepat mungkin.

Sejajar dengan konsep kerjasama serantau itu, Malaysia dengan Negara-negara ASEAN telah mengambil bahagian yang aktif dalam Persidangan Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu Yang Ketiga. Persidangan itu adalah sangat penting bagi Malaysia kerana ianya membahaskan perkara-perkara seperti perairan wilayah, benua pelantar, zon ekonomi khas, konsep gugusan dan lain-lain.

Berhubung dengan apa yang saya baru katakan keselamatan kawasan perairan Selat Melaka adalah penting bagi Malaysia dan juga Negara-negara ASEAN. Pada 24hb Februari, 1977 kita bersama Indonesia dan Singapura telah menandatangani Perjanjian Tiga Negara Berkenaan Selat-selat Melaka dan Singapura. Sebagai satu usaha untuk menjaga keselamatan selat-selat itu ketiga negara telah bersetuju untuk melaksanakan

satu Sekim Pemisahan Trafik untuk menentukan keselamatan lalulintas pelayaran dan mengelakkan perlanggaran kapal di laut serta mencegah pencemaran air yang mungkin mendatangkan kerugian kepada nelayan-nelayan kita yang mata pencarian mereka bergantung sepenuhnya kepada penangkapan ikan. Pada masa ini Sekim tersebut telahpun diutarakan kepada IMCO (Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation) untuk pengesahan. Dan sukalah saya menyatakan bahawa baru-baru ini pengesahan itu telahpun dibuat oleh IMCO.

Hubungan Malaysia dengan negara-negara di Asia Timur terutama sekali dengan Jepun adalah baik. Malaysia dan Jepun mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang baik sekali. Negara Jepun telah melibatkan dirinya dalam pelaburan modal dan memberi kredit Yen kepada negara ini dengan memajukan rancangan-rancangan pembangunan kita.

Lawatan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri ke Jepun baru-baru ini telahpun memperkukuhkan hubungan itu. Hubungan Malaysia dengan Republik Rakyat China pula adalah baik dan betul. Kita berharap Republik Rakyat China dapat memainkan peranan yang penting dan berkesan untuk membolehkan keadaan kestabilan di rantau ini tercapai. Hubungan dengan negara-negara lain di kawasan ini adalah baik dan memuaskan.

Dalam hubungan kita dengan negara-negara Islam di Asia Barat dan Afrika, pertalian persahabatan adalah erat sekali dengan kegiatan kita dalam aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan kerjasama Persidangan Islam. Imej Malaysia amatlah baik sekali di kalangan negara-negara Islam kerana peranan dan sokongan kita terhadap Persidangan itu dan juga penglibatan kita di dalam Bank Islam. Seperti yang sudah diketahui Persidangan itu pada dewasa ini telah mendapat tempat di kalangan masyarakat antarabangsa dan memainkan peranan yang berkesan dalam

politik dan ekonomi antarabangsa. Memandang kepada keadaan ini, Malaysia terus menyokong Persidangan itu bagi masa-masa yang akan datang.

Di dalam konteks untuk menguatkan lagi hubungan kita dengan negara-negara Islam, Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri telah melawat Mesir, Libya, Turkey dan Iraq pada awal tahun 1977 sebagai menyusul lawatan Yang Amat Berhormat ke Saudi Arabia pada tahun 1976. Lawatan itu telah menghasilkan beberapa perjanjian dan kerjasama di bidang ekonomi, teknikal, kebudayaan, saintifik dan perdagangan. Di samping itu beberapa rombongan dari Negara-negara Asia Barat pula telah melawat ke negara kita untuk melabur modal di dalam rancangan pembangunan negara kita ataupun untuk mengekalkan perdagangan-perdagangan dan kebudayaan.

Ingin saya berpaling kepada hubungan Malaysia dengan Negara-negara Eropah, terutama sekali dengan Kumpulan EEC. Pada umumnya hubungan Malaysia dengan Eropah adalah dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Dengan timbulnya minat EEC terhadap ASEAN dan juga dailog yang telah wujud di antara 2 badan itu, ianya telah menimbulkan minat kepada para pengusahawan dan industrialis Eropah terhadap Malaysia. Ini telah menghasilkan banyak sekali lawatan dari Menteri-menteri Negara-negara Eropah. Kerjasama dalam peminahan teknologi, pelaburan modal dan hubungan dua hala di antara kita dengan Negara-negara Eropah telahpun meningkat. Lawatan saya ke Eropah Barat dan Timur telah juga memberi kesan yang baik untuk mendapatkan lagi modal Eropah untuk pembangunan Malaysia dan mempereratkan lagi perhubungan negara kita dengan negara-negara ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri baru-baru ini telahpun melawat Amerika Syarikat. Lawatan itu telah

mendekatkan pendapat kedua-dua negara dalam beberapa issue penting baik bercorak antarabangsa mahupun bercorak serantau. Adalah diharapkan lawatan itu dapat meningkatkan lagi kerjasama dalam perdagangan dan ianya dapat pula menarik pelaburan modal serta menggalakkan pemindahan teknologi.

Pada 1978, Malaysia berharap untuk lebih giat lagi mengambil peranan yang aktif dalam hubungan antarabangsa untuk mencapai objektif-objektif dasar luar kita.

Sekarang izinkan saya untuk memperkatakan anggaran perbelanjaan tiap-tiap aktiviti yang diperlukan oleh Kementerian Luar Negeri bagi tahun 1978. Aktiviti-aktiviti itu adalah seperti berikut:

A. *Belanja Mengurus*

(i) Pentadbiran Am	\$22,732,985
(ii) Politik	20,477,054
(iii) Penerangan Luar Negeri	3,466,469
(iv) Konsular	750,637
(v) Ekonomi dan Kerjasama Daerah	610,189
(vi) Kemudahan Perhubungan & Keselamatan	5,010,364
(vii) Protokol	716,502
	\$53,764,200

B. *Anggaran Pembangunan*

(i) Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut	4,019,000
Jumlah besar adalah:	57,783,200

Tuan Pengerusi, saya tidaklah berniat untuk memberi penjelasan yang lebar di atas segala perincian pada tiap-tiap aktiviti-aktiviti itu oleh kerana butir-butirnya telahpun diterangkan dengan jelas sekali di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1978.

Tuan Pengerusi, saya mohon untuk mencadangkan sejumlah \$57,783,200 diluluskan di bawah Kepala B. 31, Kementerian Luar Negeri.

4.35 ptg.

Dr. Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya telah dengar ucapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, dan malangnya di dalam ucapannya barangkali selama setengah jam.

Tuan Pengerusi: 16 minit sahaja.

Dr. Tan Chee Khoon:16 minit sahaja, maaf. Dalam ucapannya Tuan Pengerusi, malangnya walaupun beliau ada menyentuh sedikit tentang keadaan di Timur Barat, beliau langsung tidak menyentuh tentang perhubungan yang dibuat oleh Presiden Anwar Sadat dan lawatannya ke Israel.

Tengku Datuk Ahmad Rithaudeen Al-haj: Asia Barat.

Dr. Tan Chee Khoon: Asia Barat. Tuan Pengerusi, lawatan itu ialah satu lawatan yang historic, epoch-making dan bersejarah, tetapi malangnya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan negeri kita juga langsung tidak mengambil perhatian.

Tuan Pengerusi, saya kata lawatan ini epoch-making dan bersejarah oleh sebab lawatan ini telah memecahkan psychological barrier yang telah diadakan di antara Mesir dan Negeri-negeri Arab dengan Israel. Oleh itu, perlulah negara kita mengambil perhatian dan mengkaji perkara ini dengan teliti dan saya berharap boleh menyokong apa-apa tindakan yang telah diambil oleh Presiden Anwar Sadat untuk mengurangkan keadaan yang sangat merbahaya di Asia Barat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh sedikit-sebanyak dengan ringkasnya tentang sejarah Arab-Israel conflict. Arab-Israel conflict ini telah diadakan semenjak tahun 1948 apabila Israel telah mencapai kemerdekaan — dalam 29 tahun yang lalu.

Negara-negara Arab dan Israel telah mengadakan empat peperangan, yang pertama pada tahun 1948. Yang kedua, pada tahun 1956 apabila tentera Israel telah menjatuhkan tentera Mesir dan telah tiba di Suez Canal di dalam 100 jam. Yang ketiga, di dalam tahun 1967 di dalam Six-day War yang mana tentera Israel telah menjatuhkan tentera Syria, Jordan dan Mesir dan akhirnya peperangan yang keempat the Yom Kippur War pada bulan Oktober, 1973.

Tuan Pengerusi, di dalam empat peperangan ini beribu-ribu penduduk telah dibunuh tetapi pergaduhan antara Israel dengan negara-negara Arab belum diselesaikan dan makin lama makin hebat peperangan di antara Israel dengan Negara-negara Arab. Di dalam Yom Kippur War, serangan di Golan Heights di Utara Israel antara Syria dan Israel lebih kurang 2,000 tanks telah mengambil bahagian begitu juga di dalam serangan di Suez Canal lebih kurang 2,000 tanks telah mengambil bahagian juga. Kalau dibandingkan dengan the Battle of El Alamein yang mana Montgomery telah menjatuhkan tentera Jerman di bawah Field Marshal Rommel, tanks yang digunakan dalam serangan itu tidak mencukupi pada pendapat saya 1,000 tanks. Ini bermakna makin lama makin besar peperangan antara Israel dan Negara-negara Arab dan Malaysia antara lain negara perlu dan terpaksa mengambil segala tindakan supaya kita boleh diffuse the tension in the Middle East.

Tuan Pengerusi, apabila lawatan Presiden Anwar Sadat diumumkan ada jurucakap daripada Wisma Putra menyatakan kita 'tunggu dan lihat' sahaja dan apabila Presiden Sadat balik daripada Jerusalem ke Cairo, Menteri Luar Negeri sendiri menyatakan ini ialah satu positive action, kalau tidak salah saya. Wisma Putra dan Menteri Luar Negeri juga telah tunjuk the lack of positiveness oleh Wisma Putra dan Negara kita terhadap issue-issue di Asia Barat. Pada pendapat saya Malaysia perlu mengambil tindakan menunjukkan kita sokong apa-apa tindakan yang

boleh diffuse the situation in the Middle East. Di sini saya lihat Tunisia, Morocco, Sudan, Indonesia dan Saudi Arabia telah menyokong apa-apa yang telah dibuat oleh Presiden Anwar Sadat untuk melawat Jerusalem dan berhubung dengan Parlimen di Jerusalem dan bermesyuarat dengan Menachem Begin. Di sini juga saya tengok ada hardliners umpamanya Syria, Libya, Algeria, Iraq, PLO telah membantah dan telah menyatakan mereka hendak membunuh Presiden Anwar Sadat.

Saya berharap Malaysia boleh mengambil segala tindakan dan inisiatif untuk membantu Presiden Anwar Sadat supaya beliau boleh mencapai apa-apa tujuannya iaitu mengadakan Asia Barat sebagai satu wilayah yang aman dan damai. Saya berharap dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri boleh sentuh bukan dengan seberapa ringkas tetapi dengan seberapa detailnya apa-apa langkah Kerajaan kita telah ambil atau ingin akan ambil supaya kita boleh membantu Mesir untuk mencapai keamanan dan perdamaian di Asia Barat.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita juga sedar seorang pegawai daripada Wisma Putra di New Delhi telah mengambil bahagian dalam penyeludupan di New Delhi. Saya berpendapat Wisma Putra telah menghantar pegawai-pegawai ke New Delhi untuk siasat perkara itu. Saya berharap dalam jawapan yang Berhormat Menteri Luar Negeri boleh menerangkan perkara ini kepada Dewan ini juga.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi membuat ucapannya yang sebenarnya ialah satu ucapan berkenaan dengan dasar atau polisi Kerajaan. Kita dalam Jawatankuasa ini boleh debate policy of the service sahaja tetapi dividing line, jarak bagi antara polisi dengan detail itu sedikit sangat berkenaan dengan Kementerian ini tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat yang akan bercakap minta tolong sentuhkan kepada apa

yang kita ada di hadapan dalam Jawatankuasa ini.

4.46 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya minta izin menyentuh Kepala B. 31, Kod 1100 Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita saksi, samada satu perubahan dasar Kementerian Luar Negeri atau tidak, tidaklah saya ketahui, tetapi apa yang dapat kita saksikan ialah jawatan-jawatan untuk menjadi duta kita di seberang laut semakin lama semakin bertambah diberi kepada career diplomats. Pada masa-masa yang lampau saya saksi banyak di antara ahli-ahli siasah diberi jawatan duta di luar negeri. Teguran saya ini adalah kerana saya berharap dapat Kementerian Luar Negeri menseimbangkan bilangan duta-duta kita, janganlah berlebihan pula diberi jawatan-jawatan Duta-duta Besar itu kepada career diplomats tetapi hendaklah juga diberi kepada ahli-ahli siasah, kerana tidak boleh dinafikan ada perbezaan di antara kerja-kerja atau perkhidmatan yang diberi oleh ahli-ahli siasah dengan pegawai-pegawai daripada bidang perkhidmatan awam, apabila menjalankan tugasnya di Kedutaan Besar kita kerana orang-orang siasah ini dia lebih memberatkan kepada perkara-perkara yang akan mendatangkan imej negara, tidak hanya memikirkan dia berkhidmat kerana makan gaji sahaja. Bukan saya mengatakan bahawa career diplomats ini tidak cekap tetapi cara pentadbirannya adalah berbeza.

Saya juga suka menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (3) Penerangan Luar Negeri. Jika kita pergi keluar negeri tidak boleh tidak kita boleh saksi kekurangan di dalam bidang penerangan yang kita dapat ataupun boleh perolehi daripada kedutaan-kedutaan kita. Misalannya, ada berita yang dikeluarkan oleh seorang journalist mengatakan bahawa kerana Dasar Ekonomi Baru kita memberi keutamaan ataupun keistimewaan kepada bumiputra maka didapati banyak pemuda-pemuda

daripada bukan golongan bumiputra telah pergi masuk dalam hutan menyebelahi pegganas-pegganas kominis. Ini disebarkan di luar negeri di dalam satu majalah yang telah saya baca. Tidak sedikitpun ada komen daripada kedutaan-kedutaan kita menafikan perkara ini ataupun setidak-tidaknya memberi penerangan kepada orang-orang atau negara-negara di luar negeri sebab-sebab maka kita mengikuti Dasar Ekonomi Baru sekarang.

Selain daripada itu, satu contoh yang lain adalah berkenaan dengan penerangan-penerangan ataupun butiran-butiran yang dikehendaki oleh peniaga-peniaga, terutama dari bidang peniaga-peniaga di dalam jurusan impot-ekspot. Kalaulah kita hendak mengetahui satu-satu perkara, satu-satu bahan di mana boleh kita perolehi, syarikat mana dan untuk mereka pula, iaitu kedutaan-kedutaan kita, terutamanya trade attachanya mengesahkan samada pembekal-pembekal itu reliable atau tidak; pengalaman saya sendiri di dalam jurusan ini memang banyak yang lackingnya. Saya berharap dapat kedutaan kita di sebarang negeri mempunyai satu rekod yang up-to-date sebagai juga sesiapa impoter dan ekspoter di Malaysia ini hendak memperoleh satu-satu keterangan maka dengan segera boleh dilengkapkan. Satu contoh pula adalah berkenaan dengan kekurangan kedutaan-kedutaan kita mempunyai rekod, rekod warganegara Malaysia yang berada di negara-negara seberang laut. Misalnya kalau kita hendak mengetahui berapakah bilangan sebenarnya, bukan bilangan secara lebih kurang ataupun guess work tetapi sebenarnya bilangan penuntut-penuntut, sebenarnya bilangan peniaga-peniaga Malaysia ini yang ada di negeri itu. Ini tidak diperolehi daripada kedutaan-kedutaan. Apabila ditanya mengapa perkara ini tidak boleh dilengkapkan, maka keterangan-keterangannya ialah dia tidak dapat laporan daripada Jabatan Imigeresen negara-negara yang tertentu. Saya berpendapat jika benar ada perhubungan rapat di antara kedutaan kita dengan pihak-pihak Imigeresen di negara-negara tertentu maka

tentu sahaja kita akan dapat butir-butir yang saya maksudkan tadi.

Saya suka minta izin beralih kepada Kepala B. 31, Kod 1200 — Elaun dan Lain-lain Habuan Wang. Tuan Pengerusi, saya memang bersimpati dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan daripada warganegara kita yang berkhidmat di seberang laut. Inconvenience yang dialami oleh mereka berjauhan dengan kampung halaman, berjauhan dengan rakan-rakan dan saudaramara. Mereka berkhidmat benar-benar kerana kepentingan negara dan bangsa. Dengan sebab itu, jika ada kita mendengar sungutan-sungutan bahawa elaun-elaun seumpamanya overseas allowance, housing allowance yang diberi kepada mereka adalah tidak sejajar dengan inconvenience yang dialami oleh mereka, saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dapat menimbangkan. Kita tidak hendak pegawai-pegawai kita, duta-duta kita berkhidmat dengan ketara kita saksikan kekurangan mereka kalau dibandingkan dengan duta-duta ataupun pegawai-pegawai daripada kedutaan-kedutaan negeri lain.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja teguran-teguran yang dapat saya kemukakan dan dengan ini saya mohon menyokong segala peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Luar Negeri.

4.55 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh satu dua perkara yang telah dibangkitkan dalam syarahan Menteri yang berkenaan. Sebenarnya, saya tidak mahu berucap tetapi ada satu dua perkara atau tajuk yang saya rasa adalah panas. Saya hendak menyentuh Kepala B. 31, Butiran 1100 Aktiviti (2) — Politik. Yang pertama, perkara yang mustahak ialah satu perkara berkenaan negeri-negeri di Afrika, iaitu National Liberation Movement di Afrika. Saya sedih, nampaknya Menteri yang berkenaan langsung tidak sebutkan perkara itu. Tidak berapa lama dahulu ada seorang dari OAU

Tuan Yang di-Pertua: Apa nama penuh OAU itu.

Tuan Ngan Siong Hing: Organisation of African Unity ada datang ke Malaysia di mana beliau pun sokong konsep ASEAN iaitu zone of peace dan lain-lain. Jadi saya mahu tahu stand, position Kerajaan Malaysia berkenaan dengan National Liberation Movement di Afrika Selatan dan di beberapa negeri di Afrika. Tadi saya ada sebutkan perkara ini adalah di antara satu faktor yang mustahak di dalam perhubungan antarabangsa. Saya harap Menteri yang berkenaan boleh beri jawapan yang sesuai.

Yang kedua, conflict di Middle East. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada sebut bahawa Presiden Sadat telah melawat Israel, ini adalah bagus. Pihak kami di sini adalah menyokong PLO, perjuangan Arab dan kita pun boleh sokong, saya rasa. Presiden Anwar Sadat melawat Israel tetapi adalah satu perkara yang mustahak iaitu jika kita mahu peace in Middle East condition yang pertama Palestinians mesti allow to return kepada Israel sebagai equal citizen. Jika tidak, saya harap Kerajaan janganlah sokong. Ini adalah mustahak. Sebab ini ada conflict which goes into the root of the matter, hak-hak orang Palestinian. Dalam hal ini kita tidak boleh ingat. Bible, Quran, ugama. Ini satu planned politik. Sungguhpun perkara itu telah berlaku pada tahun 1947 tetapi kita jangan lupa ini adalah satu pelan kotor orang British menurut Lahore Declaration, 1948. Ini adalah plan British singkir orang Palestine dari tanah air mereka. Ini adalah satu perkara yang saya rasa sedih. Jika di Malaysia orang-orang Melayu di sini singkir kita orang Cina balik negeri lain, kita pun lawan juga. Situation di Middle East adalah sebagai ini. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan ingat baik-baik, wait-and-see. Jika orang Palestinian yang ada di Negeri Arab tidak boleh kembali ke negeri mereka, saya seru Kerajaan jangan sokong. Sungguhpun orang Palestinian itu Arab, orang Syria pun Arab, orang Jordan pun Arab, tetapi mereka pun ada perbezaan, berkenaan

kebudayaan dan sedikit tentang language, inipun ada perbezaan. Sebagai kita, Cina di sini, Cina di Thai; orang Melayu di sini, orang Melayu di lain negeri, di Sri Lanka, di Indonesia, sungguhpun semua orang Melayu, sungguhpun semua beragama Islam, ada juga perbezaan. Kita tidak boleh cakap orang Melayu di sini balik ke Indonesia atau orang Melayu di Indonesia datang ke sini, tak boleh. Ini adalah hak international right dan orang Palestinian pun ada international right. Kenapa orang di Palestine are chased out of their homeland? Ini tidak boleh disokong.

Tuan Pengerusi, yang akhir, saya pun sangat keciwa bahawa Menteri Luar Negeri tidak menyentuh perkara Timur Barat dan saya rasa foreign policy Kerajaan Malaysia adalah double-standard.

Tuan Pengerusi, di Brunei dan saya fikir pada masa yang lampau saya pun ada sentuh di dalam perkara ini. Di Brunei, Kerajaan Malaysia sokong Parti Rakyat yang diketuai oleh Azahari untuk mencapai kemerdekaan.

Tuan Pengerusi: Saya tadi sudah tegur Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya kata ucapan beliau tadi menyentuh tentang satu polisi Kerajaan yang patut disebut waktu kita baca kali kedua Rang Undang-undang ini. Itu tak bolehlah disebut apa-apa polisi atau dasar besar Kerajaan atau mana-mana foreign policy.

Tuan Ngan Siong Hin: O.K.

Tuan Pengerusi: O.K. Apa itu O.K? Perkataan "O.K." tak patut digunakan dalam Parlimen; di luar, kedia kopi bolehlah.

Tuan Ngan Siong Hin: Minta maaf, Tuan Pengerusi. Tadi saya sebut foreign policy Malaysia ada sedikit double-standard di mana Kerajaan sokong satu pihak di Brunei mencapai kemerdekaan tetapi di Timur Barat situation adalah serupa, tetapi bila Indonesia makan satu pihak Timur.

Tengku Datuk Ahmad Rithaudeen Al-haj: Tuan Pengerusi, saya tak faham Timur-Barat yang mana itu?

Tuan Pengerusi: Timur-Barat? Terangkan Timur-Barat tadi. Timur adalah timur, barat adalah barat. Adakah timur itu Pulau Timur? Tujuan Ahli Yang Berhormat itu hendak merojok kepada timur di sebelah timur Pulau Timur?

Tuan Ngan Siong Hin: Portuguese Timur lebih jelas saya ingat, sekarang sudah mencapai kemerdekaan. Tetapi negeri itu kecil, sekarang sudah dimakan oleh Indonesia, dan Malaysia sokong. Itu double-standard. Saya harap Kerajaan bolehlah tukar sikap sungguhpun Malaysia ada bersahabat baik dengan Indonesia, hari ini selalu ada air exercise tetapi jangan bully negeri kecil, orang di Portuguese Timur yang lalu pun sebagai orang di Brunei sekarang hendak kebebasan. Jikalau tidak, saya rasa foreign policy Malaysia adalah double standard dan saya merayu kepada Menteri Luar Negeri yang bijak itu tukarlah foreign policy itu supaya orang-orang yang dioppressed di dunia yang ketiga boleh menikmati hak-hak mereka.

5.04 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya hanya hendak mengemukakan dua hal. Yang pertama saya hendak sentuh sedikit mengenai Kepala B. 31, muka surat 231, Butiran 1100, Aktiviti (4) — Konsular. Tuan Pengerusi, salah satu tujuan Bahagian Konsular di Kementerian Luar Negeri ialah untuk melantik Konsul-konsul di tempat-tempat tertentu untuk menjaga kepentingan Malaysia. Atas perkara ini ingin saya menarik perhatian di sini bahawa adalah mustahak dan perlu supaya setiap langkah dapat diambil untuk memastikan bahawa hanya mereka yang berkelakuan baik dan berdisiplin dilantik oleh Kementerian untuk mewakili negara kita di negara asing. Ini adalah penting

supaya kita dapat mengelakkan apa-apa kejadian buruk berlaku di negara lain yang melibatkan pegawai-pegawai asing kita dalam aktiviti yang mungkin menjejaskan nama baik Negara Malaysia. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong pun ada sentuh satu perkara yang pada anggapan saya adalah sangat penting di mana baru-baru ini sebagaimana dilaporkan oleh akhbar bahawa terdapat salah seorang pegawai diplomatik kita yang bertugas di Suruhanjaya Tinggi di New Delhi terlibat dalam penyeludupan jam tangan yang berharga kira-kira \$650,000 ke dalam Negeri India. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri baru-baru ini memberitahu Dewan ini bahawa beberapa orang pegawai dari Wisma Putra telah dihantar ke New Delhi untuk membuat siasatan atas hal ini. Di dalam hal ini saya ingin tahu sejauh mana hal siasatan ini telah dijalankan dan juga saya ingin menyoal adakah kegiatan itu melibatkan juga mereka yang berjawatan tinggi di Suruhanjaya di sana? Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyoal adakah kejadian itu ada hubungan dengan satu sindiket antarabangsa yang mungkin melibatkan Hongkong-Kuala Lumpur-New Delhi connection. Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat memberi jawapan yang jelas atas soal ini.

Akhirnya, saya sentuh sedikit perkara Aktiviti (3) — Penerangan Luar Negeri. Tuan Pengerusi, atas perkara ini saya memerhatikan bahawa Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyebarkan penerangan-penerangan berkenaan dengan Malaysia kepada negara-negara asing menerusi perwakilan-perwakilan kita di seberang laut dan juga bertanggungjawab membekalkan penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut dengan bahan-bahan bacaan yang berfaedah dan nasihat yang lain. Atas perkara ini inginlah saya mengesyorkan bahawa Kementerian hendaklah melantik seorang penasihat pelajar untuk kedutaan Malaysia di Ottawa, Kanada. Ini adalah perlu supaya penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di Universiti-universiti di Kanada boleh berhubung dengan penasihat pelajar itu apabila mereka meng-

hadapi apa-apa masaalah atau mereka memerlukan penerangan atas perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajaran mereka. Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya melawat Kanada untuk menghadiri Persidangan Parlimen Kommanwel Ke-23 dan saya berasa hairan bahawa Kedutaan Malaysia di sana tidak ada seorang penasihat pelajar untuk bertugas di sana. Pada masa ini terdapat lebih kurang 600 lebih pelajar Malaysia sedang belajar di Kanada dan memandangkan kepada bilangan yang begitu besar itu saya haraplah supaya Kementerian ini dapat melantik seorang penasihat pelajar untuk kedutaan kita di Ottawa supaya beliau dapat memberi nasihat dan pertolongan kepada pelajar-pelajar kita apabila mereka menghadapi kesulitan atau memerlukan bantuan.

5.09 ptg.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini, di atas teguran yang diberikan dan saya cuba memberi penjelasan, jawapan dan jika tidak ada perkara yang spesifik saya suka mengatakan saya akan mengambil perhatian kepada teguran-teguran itu.

Pertama, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh berkenaan perkara penting iaitu lawatan Presiden Anwar Sadat baru-baru ini ke Israel dan di dalam ucapan saya beliau kata saya tidak ada langsung membuat teguran ataupun kaitan dengan lawatan itu. Sama juga saya rasa ada juga ditegurkan perkara-perkara lain yang saya tidak bawa di dalam ucapan saya yang saya kemukakan itu. Saya suka menyatakan di dalam perkara ini bersabit dengan dasar luar negeri, banyak international issues yang sekarang ini dibincangkan baikpun di Bangsa-bangsa Bersatu ataupun forum-forum antara-bangsa yang lain. Kalau tidak salah saya tidak kurang daripada 120 issues atau items, jikalau

saya hendak sebutkan satu-persatu dalam jawapan saya ini mungkin saya rasa dua tiga hari pun tidak cukup. Apa yang penting sebagai dasar yang saya kemukakan dan lawatan Anwar Sadat ini saya telahpun membuat penjelasan atau comment sedikit-sebanyak di dalam akhbar apabila saya ditanyakan oleh wartawan-wartawan dan sedikit-sebanyak comment ini disiarkan dalam akhbar-akhbar pada tanggal 22hb. November, baharu-baharu ini yang mana saya suka mengatakan iaitu Yang Berhormat dari Kepong telah gunakan saya rasa tidaklah betul perkataan yang saya gunakan, perkataan yang saya gunakan adalah, "Lawatan Anwar Sadat ini adalah satu lawatan yang positive gesture yang dibuat oleh pihak Presiden ini". Dan sebaliknya pula saya kata pihak Israel khususnya Perdana Menteri Menachem Begin perlulah mengambil satu reciprocity untuk mengambil satu-satu tindakan supaya membalaskan balik satu positive gesture yang dibuat oleh Presiden Sadat ini dan supaya dapat dicapai satu keamanan yang kekal dan saya tambah lagi saya kata saya berharap, saya ucapkan selamat pergi (best wishes) kepada Presiden Sadat dan pada ketika itu dan juga pada ketika ini saya rasa comments itu adalah sesuai dengan apa yang berlaku sekarang ini.

Tidak asing lagi saya rasa perkara Asia Barat ini ataupun settlement di Middle East ini sangatlah penting dan Malaysia telah memainkan peranan yang penting dan menunjukkan kepada negara-negara lain di dunia ini Malaysia tidak ketinggalan, bahkan saya suka menyatakan kepada Dewan yang mulia ini, khususnya Yang Berhormat dari Kepong sama juga kepada Yang Berhormat yang lain yang telahpun menyentuh hal ini iaitu Malaysia adalah salah satu daripada negara yang telah bangkit yang ulung sekali dalam memperkatakan atas sokongan yang penuh kepada perjuangan orang-orang Arab, khususnya orang-orang Palestine ini. Kita telah memainkan peranan yang besar di atas hal ini tatkala kita mengambil perbincangan-perbincangan di dalam

semua forum Antarabangsa termasuk Bangsa-bangsa Bersatu dan Persidangan Antarabangsa yang lain yang mana kita telah memberikan perkataan-perkataan yang sangat berfaedah dan yang sangat berguna supaya mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya pihak-pihak khususnya pihak Israel janganlah begitu intrasigent di atas perkara yang penting supaya keamanan dan kesesuaian yang kekal dapat dicapai di Asia Barat ini. Kita telah memberikan sokongan tatkala mengundi di Bangsa-bangsa Bersatu baikpun tahun ini sama juga beberapa tahun yang lepas kita telah menekankan iaitu perkara Asia Barat ini sangatlah penting kerana ini seperti gunung berapi. Jikalau tidak dapat dielakkan mungkin gunung berapi ini akan meletup dan menjadi satu holocaust yang begitu hangat dan tidak dapat kita selesaikan, jikalau ini akan berlaku. Maka di sini saya suka mengatakan kepada Yang Berhormat dari Kepong dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain kalau kita mengikuti peranan yang Malaysia telah mainkan di dalam hal khususnya Asia Barat ini boleh dikatakan negara kita satu negara yang penting yang telah mengemukakan iaitu hak-hak rakyat Palestine khususnya. Adalah menjadi satu perkara penting untuk menyelesaikan masalah di Asia Barat ini iaitu rakyat Palestine ini mestilah diberikan balik tanah mereka dan berikan juga kuasa self-determination dan juga beberapa perkara hak-hak yang lain yang mana sebagai warganegara yang berhak kepada tanahair perlu diberi kepada seorang warganegara itu. Maka di sini kita telah menerangkan iaitu the inalienable rights of the Palestinian people mesti diberikan sepenuhnya tatkala menimbangkan masalah Asia Barat itu.

Jadi, saya sukalah menyebutkan sekali lagi di sini, Tuan Pengerusi, dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jikalau kita mengikuti adalah betul peranan yang kita telah mainkan itu dan sangatlah dihargai oleh orang-orang yang suka melihat keamanan dicapai di Asia Barat ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong dan juga Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telahpun menyuarkan dari segi penyeludupan baru-baru ini yang mana disiarkan dalam akhbar bersabit dengan Pesuruhjaya Tinggi kita di New Delhi. Jadi, saya sukalah menyatakan sekarang ini pegawai kita telahpun pergi ke New Delhi untuk membuat penyiasaan supaya perkara ini dapat kita ketahui dengan jelasnya dan tindakan-tindakan akan diambil kepada pihak orang yang berkenaan di atas perkara ini. Jikalau didapati salah saya suka menyatakan sekali lagi seperti apa yang telah saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu saya telah memberikan jaminan iaitu saya akan mengambil tindakan yang sepenuhnya kepada orang yang ada berkaitan dan bersubahat dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan yang telahpun berlaku itu jikalau perkara itu benar berlaku. Buat masa sekarang ini saya suka mengatakan iaitu laporan ini belumlah lagi saya dapat dengan penuhnya kerana ini akan mengambil masa oleh sebab sepertimana saya katakan ini adalah sangat penting dan kita mesti mengadakan penyiasaan yang begitu teliti sebelum satu-satu keputusan akan diambil dalam hal ini. Maka saya sekarang ini hanya menunggu laporan yang penuh untuk bertindak dengan sewajarnya jikalau perkara ini berlaku. Jadi untuk jaminan kepada Dewan yang mulia ini khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan dari Kuala Lumpur Bandar saya suka mengatakan saya akan memberi jaminan kepada Yang Berhormat berdua ini dan juga kepada Dewan ini iaitu tindakan yang sewajarnya akan diambil kepada pihak yang berkenaan jika didapati bersalah dan ada bukti-bukti yang benar yang mereka ini terlibat. Itulah jawapan saya bersabit dengan penyeludupan itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan bersabit dengan perlantikan Duta-duta kita baharu-baharu ini kenapa tidak begitu banyak orang-orang daripada parti politik ataupun siasah dilantik menjadi Duta?

Jadi, saya suka menyatakan iaitu kita mengamalkan juga sepertimana negara-negara lain iaitu di antara 5% sampai 15% diambil daripada orang-orang yang dipanggil perlantikan politik (political appointment). Kebanyakan negara boleh dikatakan 10% dan sekarang kalau dibandingkan Duta-duta kita yang ada saya rasa perlantikan ini lebih daripada tiga orang telah dijadikan sebagai perlantikan politik (political appointment). Kalau kita melihat keadaan yang ada dalam negara-kita ini maka ini lebih daripada tradisi ataupun amalan yang dibuat oleh negara-negara lain, tetapi kita sentiasa melihat orang-orang politik yang berkelibar yang boleh mewakili negara kita di seberang laut sebagai Duta kita ataupun perlantikan yang sesuai daripada orang-orang siasah. Jadi, kita sentiasa buat masa ini saya sukalah menyatakan lebih daripada 10% Duta-duta ini adalah dari perlantikan politik dan kita dari semasa ke semasa akan melantik jika satu-satu tempoh Duta habis dan kalau ada orang yang sesuai kita akan lantik. Kalau ada Ahli Yang Berhormat yang sekarang ini sudah tua tentulah diberi perhatian terutama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin tidak akan menjadi Wakil Rakyat lagi oleh sebab umur sudah tua mereka akan dipertimbangkan supaya menjadi Duta pada masa akan datang.

Bersabit dengan apa yang dikatakan cerita-cerita ada pemuda bumiputra ataupun pemuda-pemuda lain telah masuk ke hutan. Saya rasa kadangkala artical ini tidaklah benar berlaku dan boleh dikatakan tidak ada asas langsung apa yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar seberang laut kerana kita kerap kali apabila hendak menjelaskan, akhbar-akhbar ini tidak mahu menerima penjelasan kita. Dia tidak print penjelasan yang kita hantar yang begini tebal memberikan penjelasan. Jika mereka itu menerima dan mengatakan kita punya betul, kita akan memberikan bukti-bukti dan siapa-siapa yang membaca penjelasan kita itu tentu akan mengatakan apa yang ditulis oleh mereka itu tidak betul dan penjelasan kita ini adalah betul, maka ini akan discreditkan akhbar

mereka khususnya pengarang-pengarang yang menghantarkan artical-artical ini atas nama mereka. Oleh sebab itulah sering kali kita menghadapi kesulitan hendak menjelaskan tetapi oleh sebab dengan kecekapan cara berdekatan yang dibuat oleh Duta-duta dengan akhbar-akhbar maka kita dapatlah mengikuti dengan akhbar yang lain dan juga kita dengan bersama-sama sedikit-sebanyak berbaik-baik dengan mereka ini penjelasan kita ini dapat juga ditimbulkan di dalam akhbar-akhbar lain. Saya boleh sebutkan banyak berlaku di Kanada dan negara-negara yang lain, yang mana kita terpaksa mencari ikhtiar supaya diberikan penjelasan dan bukanlah kali ini kita menghadapi tetapi banyak kita hadapi iaitu kita telah mengambil tindakan mengatasi kesulitan yang kita hadapi itu dari segi hendak memberikan penjelasan, bahkan kita juga menulis surat cara circular memberikan penjelasan hal-hal ini kepada orang perseorangan. Jadi, bukanlah kita tidak mengambil tindakan, saya suka memberi jawapan ini kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, kita tidak tidur dan kita telah mengambil tindakan di atas hal ini.

Dan juga rekod baikpun rekod seperti exporters dan importers yang ada di negara kita adakah disimpan oleh Trade Attache ataupun Kedutaan kita dan juga rekod-rekod penuntut kita seperti warganegara-warganegara yang ada di dalam negara asing ataupun diseberang laut. Rekod ini kadangkala bukan senang, kita tidak ketahui warganegara kita yang datang ke satu-satu negeri khususnya Great Britain, kerana movement atau gerak-geri tiap-tiap warganegara ini kita tidak dapat dikesan dan juga kita tidak dapat rekod dengan jelasnya di atas adakah mereka di London, di Bonn dan sebagainya, kerana mereka tinggal di sana dua, tiga bulan keluar. Berkenaan penuntut-penuntut pula kita telahpun berikhtiar seberapa yang boleh mengadakan rekod-rekod dan juga warganegara-warganegara di dalam temasya-temasya ataupun majlis-majlis keraian yang ada di dalam Kedutaan-kedutaan kita. Kita dengan seberapa yang boleh cuba menjemput warga-

negara-warganegara Malaysia yang ada di luar negeri seperti menyambut Hari Kemerdekaan dan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita ke Kedutaan atau Pesuruhjaya Tinggi kita. Jadi bukan kita tidak ada rekod tetapi kesulitan itu dan kita sekarang ini berikhtiar penuntut-penuntut kita khususnya mendapatkan rekod-rekod mereka supaya kita dapat memberikan bahan-bahan akhbar kepada mereka. Perkara ini sedang dilakukan dan saya suka menyatakan tidaklah senang kita hendak dapatkan rekod-rekod ini. Boleh dikatakan juga pada masa lampau kesukaran kita mendapatkan kerjasama daripada negara-negara tuan rumah untuk mengesan penuntut-penuntut, tetapi dengan adanya perhubungan saya rasa bertambah sedikit-sebanyak dan juga attitude kerana ada tekanan daripada pihak yang tertentu, khususnya daripada students organisation di tempat-tempat tuan rumah ini, maka kesan-kesan ini tidak dapat daripada pihak yang berkuasa tersebut seperti universiti-universiti supaya kita dapat bersama-sama memberikan penjelasan dan mengedarkan akhbar-akhbar Malaysia kepada mereka. Di sini saya suka juga mengambil peluang menyatakan Tuan Pengerusi, iaitu buat masa sekarang ini *The New Straits Times* telah mengadakan akhbar untuk penuntut-penuntut di luar negeri. Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada *The New Straits Times* yang telahpun mengadakan akhbar *The Malaysia* kepada orang-orang yang tinggal di luar negeri supaya sedikit-sebanyak dengan cara digest di atas penerangan-penerangan ataupun news yang telahpun dikeluarkan dalam seminggu atau dua minggu yang lepas.

Berkenaan dengan elau, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur kerana dari satu masa ke satu masa saya merasa kesulitan pihak-pihak yang berkenaan di atas elau-elau pegawai, kerana dari semasa ke semasa inflasi di negara-negara yang mana mereka tinggal ini sangatlah tinggi dan hendak dapat serta-merta perhatian kepada pihak kita di sini supaya dapat

kelulusan yang muktamad daripada Kerajaan, kadangkala ada terlewat sedikit. Dengan adanya sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini saya rasa perkara ini tentulah akan menarik perhatian berat oleh Treasury dan juga pihak-pihak yang berkenaan supaya permohonan Wisma Putra akan selalu ditimbang dengan sewajarnya oleh pihak-pihak mereka ini, kerana gaji sahaja tidak mencukupi, Tuan Pengerusi, elau ini perlulah ditimbang dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, bersabit Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah mengemukakan sedikit-sebanyak mengenai National Liberation Movement dan katanya ada wakil daripada OAU telah datang ke sini menyokong konsep zone of peace and neutrality yang telah ditimbulkan oleh Malaysia khususnya dan negara-negara yang menandatangani Kuala Lumpur Deklarasi. Di sini saya suka mengatakan Malaysia sentiasa sebagai dasar penting mendokong dan menyokong aspirasi-aspirasi tiap-tiap warganegara yang ada dalam satu negara yang belum dapat kemerdekaan lagi supaya mereka dapatkan kemerdekaan secara demokrasi secara self-determination yang mengikut corak-corak, lunas-lunas demokrasi yang tulen. Malaysia telahpun membawakan perkara ini di Bangsa-bangsa Bersatu di dalam Committee 24 dan sebagainya di Bangsa-bangsa Bersatu supaya poket-poket yang belum lagi ada kemerdekaan dapat kemerdekaan mengikut cara-cara lunas demokrasi yang sebenar dan tulen. Jadi, Malaysia saya suka menyatakan di sini supports Liberation Movements di negara-negara Afrika untuk mencapai kemerdekaan seperti di Zimbabwe secara self-determination dan demokrasi dan juga majority rule di Zimbabwe, iaitu di Rhodesia; dan sama juga dengan dasar ini kita mintakan di Namibia dan juga Afrika Selatan dapat mencapai kemerdekaannya secara self-determination dan secara majority rule iaitu "one-man-one-vote", tidak kira kulit hitam ataupun putih di Afrika ini. Jadi kita tidak bersetuju apartheid sepertimana kita telahpun terangkan jikalau kita mengikut resolusi-resolusi yang

mana Malaysia telahpun mengambil peranan dan bersama-sama dalam perbincangan ini adalah jelas iaitu Malaysia menyokong di atas aspirasi-aspirasi rakyat jelata yang suka mencapai kemerdekaan di negara-negara yang saya sebutkan ini iaitu Zimbabwe, Namibia dan Afrika Selatan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya telahpun menjawab bersabit dengan lawatan Presiden Anwar Sadat iaitu kita menyokong penuh perjuangan Arab dan perjuangan khususnya orang Palestine dan Ahli Yang Berhormat dari Kinta adalah diminta supaya merujuk jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersabit dengan hal Asia Barat ini.

Saya sangat dukacita apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta iaitu kita ada double-standard atas dasar luar negeri. Saya suka mengatakan iaitu kita tidak ada double-standard di atas hal ini kerana kita mensifatkan satu-satu perkara itu sudah menjadikan mengikut self-determination yang tertentu di satu-satu tempat. Jikalau Timur — Timur; bukan Timur Barat. Timur Barat is anywhere. Ini tempat dipanggil Timur — Timur. Di sini saya suka mengatakan pendirian Malaysia adalah kerana self-determination ini adalah corak-corak mengikut lunas-lunas yang terdapat mengikut keadaan yang sesuai dilakukan oleh tempat itu. Maka Malaysia anggapkan cara self-determination ini adalah sesuai dan mengikut cara custom dan tradisi yang biasa dilakukan oleh tempat itu. Maka self-determination ini adalah mengikut keadaan yang dilakukan oleh tempat itu; ini ialah untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kinta, kita tidak ada double-standard jikalau Ahli Yang Berhormat itu sedar di atas apa yang berlaku di sana, maka disinilah yang kita mengikut dan memberi sokongan kepada apa yang berdirinya Malaysia di atas sikap ini. Itulah saya suka memberikan penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu dan tidak ada double-standard dan perjuangan

hak-hak kita untuk menyokong aspirasi-aspirasi kepada orang-orang yang ada dalam negara yang belum dapat kemerdekaan ini itu-lah syaratnya iaitu self-determination mengikut secara lunas-lunas demokrasi yang sesuai kepada tempat itu yang telahpun dilakukan, yang telah diadakan mengikut tradisi dan custom ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang mana teguran-teguran beliau ini sangatlah baik dari segi perlantikan Consular-consular dan sebagainya dan pada masa-masa yang lampau kita ada membuat kajian sebelum kita melantik Consular-consular kita untuk mewakili negara kita di seberang laut. Mereka ini kebanyakannya terdiri daripada bukan warganegara Malaysia tetapi warganegara asing dan kebiasaannya kita dapat sedikit-sebanyak pandangan daripada Kerajaan, daripada mereka dan juga daripada orang-orang yang boleh kata yang bertanggungjawab sedikit-sebanyak di dalam negara itu. Jadi kebanyakannya saya suka mengatakan perlantikan Consular-consular yang kehormat ini adalah pada masa-masa yang lepas dengan begitu teliti dan begitu waspada di atas perlantikan ini dan saya sukalah sedikit-sebanyak sentiasa membuat kajian dengan orang yang berkenaan di atas perlantikan ini adakah sesuai perlantikan Consular ini dibuat oleh kita.

Saya telahpun menjawab dari segi penerangan-penerangan luar sebentar tadi. Bacaan-bacaan ini kita sentiasa mengedarkan bacaan-bacaan, akhbar-akhbar dan bahan-bahan untuk bacaan kepada penuntut-penuntut kita dan saya rasa boleh dikatakan sekarang ini kalau dibandingkan dengan pada masa-masa yang lepas kita ada mengambil banyak lagi ramah-tamah dengan penuntut-penuntut kita supaya mereka ini tidaklah ketinggalan dari segi akhbar-akhbar (news) yang mereka perlu mendengar daripada rumah ataupun daripada Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan yang dibuat oleh beliau di atas

perlu diadakan penasihat pelajar di Ottawa. Jadi kita daripada satu masa ke satu masa mengkaji jikalau banyak sangat penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai Kedutaan kita tidak dapat mengawasi pekerjaan ini maka kita akan meminta Kementerian Pelajaran membuatkan perlantikan dan di sini saya sukalah menyatakan saya akan buat rujukan di atas teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu kepada pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Pelajaran iaitu sekarang ini beliau kata 600 pelajar telahpun ada di sana dan masaalah-masaalah saya rasa akan di buatkan kajian.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan jikalau tidak ada jawapan-jawapan yang specific saya katakan sekali lagi saya akan mengambil perhatian dan pegawai-pegawai saya akan mengambil perhatian di atas hal ini.

Tuan Ngan Siong Hing: Saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan jawapan.

Tuan Pengerusi: Ini bukan masa pertanyaan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$53,764,200 untuk Kepala B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$4,019,000 untuk Kepala P. 31 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Kepala B. 25 (Jadual) —

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1978)

—

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan

Anggaran Pembangunan tahun 1978 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berjumlah sebanyak \$49,785,010.00. Dari jumlah ini sebanyak \$47,535,000.00 adalah Anggaran Belanja Mengurus dan \$2,250,010.00 adalah Anggaran Pembangunan masing-masing di bawah Kepala B. 25 dan P. 25.

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1978 melebihi peruntukan tahun 1977 sebanyak \$10,720,300. Pertambahan ini adalah diperlukan oleh kerana aktiviti-aktiviti Kementerian ini berkembang dari setahun ke setahun. Bagi Anggaran Pembangunan pula, peruntukan bagi tahun 1978 berkurangan sebanyak \$8,795,750 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1977. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan dalam tahun 1977 merupakan pelaburan dan pinjaman (berjumlah \$6.8 juta) yang mana telah pun dibelanjakan.

Antara lain, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah bertanggungjawab terhadap penggalakan pelaburan dan perkembangan di sektor perindustrian, penggalakan eksport barang-barang keluaran kilang-kilang tempatan, kawalan impot/eksport untuk tujuan melindungi industri tempatan, kawalan bekalan dan harga barang-barang keperluan untuk menentukan supaya bekalan barang-barang tersebut adalah mencukupi dan dijual di paras harga yang berpatutan. Selain daripada itu, Kementerian ini adalah bertanggungjawab terhadap pendaftaran syarikat-syarikat, perniagaan-perniagaan dan cap dagangan dan melaksanakan pertukaran timbang dan sukat dari sistem imperial ke sistem metrik.

Masalah kekurangan barang-barang keperluan dan kenaikan harga selalu menjadi sungutan orang ramai. Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini memang sedar dan memberi perhatian yang serious terhadap hal ini. Tindakan mengawasi dan mengawal akan terus dijalankan untuk memastikan barang-barang keperluan mencukupi dan harganya

berpatutan. Kementerian saya juga akan terus menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan, Akta Timbang dan Sukat dan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977 ke atas 111 jenis barang-barang keperluan. Langkah ini akan menoloh mencegah kenaikan harga yang berlebihan.

Untuk membolehkan tindakan diambil dengan lebih berkesan lagi, Bahagian Penguatkuasa akan diperbesarkan pada tahun hadapan di mana seramai 50 orang kakitangan akan ditambah. Selanjutnya 3 buah Pejabat Cawangan baru Bahagian Penguatkuasa iaitu di Taiping, Raub dan Miri (Sarawak) akan ditubuhkan pada tahun hadapan.

Seperti yang termaklum Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan telahpun ditubuhkan di Kementerian ini. Majlis ini memainkan peranan yang penting bagi menasihatkan dan melindungi kepentingan pengguna di negara ini. Tindakan sedang diambil untuk membolehkan Persatuan-persatuan Pengguna bergerak dengan berkesan dalam usaha melindungi kepentingan pengguna. Seminar dan dailog akan diadakan dengan Persatuan-persatuan tersebut supaya isu-isu semasa yang melibatkan pengguna dapat dibangkitkan oleh Persatuan Pengguna terus kepada Majlis ini. Di samping itu bantuan kewangan dan khidmat nasihat akan terus diberikan kepada Persatuan-persatuan ini supaya mereka dapat mempergiatkan lagi usaha-usaha perlindungan pengguna.

Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan akan mengadakan publisiti-publisiti yang lebih luas dalam membangkitkan kesedaran pengguna pada tahun depan. Majlis ini akan menerbitkan majalah-majalah pengguna untuk memberi penerangan kepada pengguna mengenai berbagai aspek perlindungan pengguna serta risalah-risalah mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Selain daripada itu ceramah-ceramah dan forum-forum akan diadakan melalui Radio dan Talivisyen.

Kementerian ini juga akan terus memberikan perhatian yang berat terhadap galakan pelaburan dan perkembangan sektor perindustrian. Kepada pelabur-pelabur swasta saya suka mengingatkan bahawa Kementerian saya akan terus memberi galakan kepada industri-industri yang berorientasikan eksport khususnya untuk berkembang dan mendapatkan pasaran di luar negeri. Kementerian ini juga akan mengawal pasaran-pasaran tempatan, supaya tidak dibanjiri oleh barang-barang impot bagi membolehkan pengilang-pengilang tempatan berdikari. Galakan tarif dan lain-lain perlindungan tarif dan kelonggaran cukai yang diberikan kepada industri-industri tempatan akan dikaji dari semasa ke semasa untuk membolehkan pengilang-pengilang tempatan dapat bertanding di pasaran antarabangsa.

Dalam mengeluarkan lesen bagi projek perindustrian, Kementerian ini telah mengenakan syarat-syarat untuk memudahkan pengawasan dan pencapaian objektif sosial dan ekonomi negara melalui Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 yang telah dikuatkuasakan pada 1hb. Mei, 1976. Antara syarat-syarat yang dikenakan ialah syarat berkenaan dengan penempatan kilang, pengambilan pekerja-pekerja, pembahagian saham, penggunaan bahan-bahan mentah tempatan, perlantikan pengedar-pengedar, pengambilan perkhidmatan-perkhidmatan profesional dan mutu piawaian. Sehingga 30hb September, 1977, sebanyak 1,053 lesen telah dikeluarkan kepada pengilang-pengilang yang telah memohon lesen. Permohonan-permohonan masih diterima dan sedang diproses oleh Kementerian ini.

Kementerian ini juga sentiasa mengikuti bukan sahaja perkembangan dan kemajuan sektor perindustrian tetapi juga pengilang-pengilang yang mendapat kelulusan dari Kementerian ini supaya berusaha untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, dari segi pemilikan, ekuiti, struktur pekerjaan atau lain-lain penglibatan secara langsung oleh Bumiputra. Mengikut banci yang baru dijalankan, bagi tempoh sehingga

31hb Disember, 1976, dari 1,354 buah projek perindustrian yang telah dilaksanakan, adalah didapati Bumiputra memiliki ekuiti sebanyak lebih kurang 17.4% berbanding dengan bukan Bumiputra sebanyak lebih kurang 41.1% dan warganegara asing 41.5%. Angka pemilikan oleh Bumiputra akan lebih tinggi jika semua saham-saham yang dikhaskan kepada Bumiputra dibeli oleh Bumiputra. Dari jumlah yang dikhaskan untuk Bumiputra yang berjumlah sebanyak lebih kurang \$620 juta, sebanyak \$165 juta masih belum lagi dibeli oleh Bumiputra.

Begitu juga halnya dalam struktur pekerjaan, peratus Bumiputra masih kurang di peringkat atasan. Di peringkat pengurusan, bilangan Bumiputra adalah lebih kurang 17% sahaja walaupun pada keseluruhannya tenaga pekerja Bumiputra adalah lebih tinggi peratusnya, iaitu lebih kurang 53%. Di peringkat penggunaan perkhidmatan profesional yang disediakan oleh syarikat-syarikat Bumiputra, masih jauh ketinggalan lagi. Secara perbandingan Bumiputra ialah 15%, bukan Bumiputra 75% dan syarikat asing 10%. Keadaan yang demikian harus diperbaiki lagi dan Kementerian ini akan terus berusaha untuk memperbaiki keadaan itu.

Kementerian ini adalah juga bertanggungjawab untuk menentukan terdapat pelaburan yang bertambah dari masa ke semasa dan dengan itu adalah terlibat dalam usaha menyediakan perundangan-perundangan untuk menarik pelaburan seperti yang terdapat di dalam Akta Galakan Pelaburan 1968. Ianya juga adalah terlibat merangka perjanjian menjamin pelaburan dengan negara-negara asing untuk menjamin pelaburan mereka di negara ini. Setakat ini Malaysia telah menandatangani perjanjian pelaburan dengan Amerika Syarikat, Republik Persekutuan Jerman, The Netherlands, Kanada dan Perancis. Baru-baru ini pada 13hb Oktober, 1977 Malaysia telah menandatangani ringkas (initialled) perjanjian yang serupa dengan Switzerland.

Perjanjian dengan negara-negara lain seperti United Kingdom, Norway, Singapura, Austria, Sweden, Australia dan Romanis sedang dalam peringkat perbincangan.

Untuk menentukan persefahaman dan kemajuan yang sihat bagi sektor perindustrian maka Kementerian ini adalah sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak sektor swasta samada secara individu, dengan wakil syarikat itu atau dengan wakil persatuan-persatuan yang berkenaan. Satu dari caranya ialah melalui mesyuarat. Satu Jawatankuasa Khas telahpun ditubuhkan untuk maksud ini iaitu Jawatankuasa Perunding mengenai perdagangan dan perindustrian yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri. Wakil-wakil pihak swasta adalah juga menjadi ahli Jawatankuasa tersebut dan mereka bolehlah membangkitkan masaalah berkaitan dengan kemajuan sektor perindustrian ini daripada semasa ke semasa.

Kementerian ini akan terus berusaha untuk menggalakkan perkembangan sektor perindustrian dengan menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri. Bagi tahun 1978, Kementerian ini akan mengadakan beberapa rombongan pelaburan projek tertentu atau "specific project missions" untuk menggalakkan pelaburan dalam perusahaan yang berasaskan pertanian dan sumber tempatan (agro-based and resource-based). Rombongan-rombongan yang dicadangkan ialah di Frankfurt, Republik Persekutuan Jerman pada bulan Mei/Jun dan di Negeri Belanda pada bulan Oktober/November. Di samping itu Pejabat-pejabat FIDA di luar negeri akan mengadakan seminar-seminar untuk memperkukuhkan usaha Kementerian menggalakkan pelaburan di Malaysia. Seminar di dalam negeri pula akan diadakan mengikut kawasan. Adalah dijangka satu seminar akan diadakan awal tahun 1978 bagi kawasan selatan yang meliputi Negeri Johor, Melaka termasuk juga Singapura. Usaha-usaha menggalakkan pelaburan ini penting untuk mengekalkan

paras perkembangan pelaburan yang tinggi dalam sektor perindustrian seperti yang telah dirancang di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Pengerusi, di bidang perdagangan antarabangsa pula Kementerian ini akan menjalankan usaha-usaha yang lebih intensif terhadap eksport hasil perkilangan dan sebahagian perkilangan dengan tujuan mengurangkan pengangkutan kepada hasil eksport tradisional seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan kayu-kayan.

Bagi tahun 1978 Bahagian Perdagangan Antarabangsa akan terus mengambil langkah memperluaskan kawasan pasaran dengan penubuhan pejabat-pejabat perdagangan yang baru. Pejabat Perdagangan di Dubai akan ditubuhkan dalam bulan Disember, tahun ini bagi tujuan memperhebatkan lagi dayausaha galakan eksport ke pasaran Asia Barat di mana setakat ini Kementerian ini mempunyai pejabat-pejabat perdagangan di Jeddah, Kuwait dan Beirut. Berikutan dengan perang saudara di Lebanon pejabat di Beirut telah ditutup buat sementara waktu dan dijangka akan dibuka semula pada bulan yang lalu. Dengan semangat kerjasama serantau Bahagian Perdagangan Antarabangsa bercadang untuk menubuhkan pejabat-pejabat perdagangan di Negara-negara ASEAN iaitu di Bangkok, Manila, Singapura di samping pejabat yang sedia ada di Jakarta. Kesemua pejabat-pejabat perdagangan ini akan melipat-gandakan usaha dan aktiviti galakan eksport bagi kawasan pasaran masing-masing.

Bagi tahun 1978 Bahagian Perdagangan Antarabangsa juga akan menyertai sebanyak 13 pertunjukan/pameran perdagangan di seberang laut dan juga akan menghantar 7 rombongan perdagangan di beberapa buah negara luar. Langkah-langkah ini adalah untuk memperkenalkan barang-barang perkilangan negara kepada peniaga-peniaga dan pengimpot-pengimpot di luar negeri untuk menambahkan lagi jualan barang-barang perkilangan di luar negeri. Kementerian ini akan

terus memberi pertolongan dan maklumat mengenai kawasan pasaran dan peluang perdagangan. Seminar-seminar dan juga bengkel-bengkel akan diadakan dari masa ke semasa samada secara persendirian atau dengan bantuan badan-badan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara dan International Trade Centre di Geneva. Buku-buku penerbitan tetap juga akan terus diadakan seperti "Tinjauan Pasaran", "Tinjauan Negeri" dan "Trade Abroad".

Di bidang perkhidmatan perkapalan serantau, Kementerian ini akan mengambil bahagian yang aktif dalam ASEAN Shippers' Council, ESCAP dan UNCTAD, terutama sekali mengenai perlaksanaan projek-projek seperti "bulk shipping", "containerization", dan "shipping legislation". Di samping itu Kementerian ini akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan sektor swasta untuk memperbaiki perkhidmatan perkapalan kepada pengguna-pengguna kapal khususnya dan industri perkapalan negara amnya.

Bagi tujuan memperbaiki perhubungan perdagangan antarabangsa negara ini, Kementerian ini akan terus mengadakan perundingan-perundingan perdagangan dua-hala dan banyak-hala. Penyertaan yang aktif oleh Kementerian ini dalam forum Perundingan Perdagangan Banyak Hala (Multilateral Trade Negotiation) adalah perlu memandangkan kepada banyaknya barang-barang keluaran Malaysia dikenakan sekatan tarif dan bukan tarif. Malaysia perlu terus berunding untuk mendapatkan kelonggaran ke atas sekatan-sekatan tersebut. Kementerian ini akan terus mengkaji dan meneliti perundingan-perundingan perdagangan yang lebih, yang telah dan akan diadakan dengan negara luar untuk memelihara kepentingan perdagangan Malaysia pada keseluruhannya.

Salah satu daripada tanggungjawab Kementerian saya ialah memesatkan penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian, terutama dari segi ekuiti,

pengurusan dan pekerjaan, pengedaran dan perkhidmatan sesuai dengan hasrat daripada Dasar Ekonomi Baru. Sehingga kini Bahagian Penyertaan Bumiputra Kementerian ini telah menumpukan perhatian berat dari segi ekuiti, kandungan lembaga-lembaga pengarah sesuai dengan peratus ekuiti yang dipegang oleh Bumiputra, pekerjaan dalam semua lapiran serta pengedaran barang-barang.

Sungguhpun beberapa kejayaan telah dicapai dalam pengedaran barang-barang seperti bahan-bahan binaan, makanan, minuman, rokok, hasil-hasil minyak petroleum dan lain-lain tetapi ternyata sangat sedikit kejayaan bagi pengedaran barang-barang seperti mesin-mesin, barang-barang elektrik, bahan-bahan kimia, kelengkapan saintifik dan lain-lainnya. Walau bagaimanapun secara perlahan Bumiputra telah maju dalam bidang pengedaran barang-barang yang dipasarkan melalui pengedaran sistem tertutup ataupun sebagai campuran di antara sistem tertutup dan sistem terbuka. Dalam kes barang-barang yang diedarkan mengikut sistem pasaran terbuka di mana sesiapa sahaja boleh membeli secara langsung daripada pengusaha-pengusaha, peniaga Bumiputra sering menghadapi persaingan dengan peniaga-peniaga yang bukan Bumiputra. Bagi beberapa jenis barang seperti susu, motokar, lori, simen, besi, besiwaja dan cat-cat, bilangan pengedar Bumiputra telah menunjukkan kemajuan yang memuaskan. Walau bagaimanapun, dari segi "volume" barang-barang yang diedarkan itu, masih tidak seimbang dengan peratus bilangan pengedar dan wakil pengedar Bumiputra bagi kebanyakan barang-barang. Bagi kebanyakan jenis barang bilangan pengedar/wakil pengedar Bumiputra telah bertambah di antara 1976 dengan 1977.

Di dalam tahun 1978 Bahagian Penyertaan Bumiputra Kementerian ini akan mempergiatkan lagi fungsi penyelidikan ke atas syarikat-syarikat Bumiputra dan bimbingan-bimbingan akan diberi dengan lebih meluas lagi.

Syarikat-syarikat perdagangan dan perindustrian akan diminta agar lebih banyak lagi membuka peluang-peluang perkhidmatan yang tertentu kepada Bumiputra seperti pengangkutan, penghantaran dan perkapalan, kesetiausahaan, perakaunan dan lain-lain kajian akan terus dibuat untuk mengikuti kekesanan penyertaan Bumiputra dalam bidang pekerjaan teristimewa di peringkat pengurusan, profesional, pengawasan, teknik, perkhidmatan dan jurujual. Dalam hal ini Kementerian ini akan meluaskan fungsinya bagi meliputi Negeri Sabah dan Sarawak. Pejabat cawangan Bahagian ini akan ditubuhkan di Sarawak dan Sabah dalam tahun 1978.

Di bidang pendaftaran syarikat tanggungjawab telah diamanahkan kepada Pendaftar Syarikat Kementerian ini untuk mentadbir dan melaksanakan Akta Syarikat dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bilangan syarikat-syarikat yang ada di dalam daftar syarikat pada 30.9.77 adalah sebanyak 34,217 buah. Ini termasuk 4,097 buah syarikat baru yang diperbadankan di dalam tahun 1977. Kutipan hasil yang dibuat oleh Pejabat Pendaftaran Syarikat sehingga 30.9.77 adalah \$9,896,353.00. Jumlah kutipan hasil bagi keseluruhan 1977 dijangka akan melebihi \$11 juta. Tindakan sentiasa diambil oleh Pejabat Pendaftaran Syarikat bagi memperbaiki lagi khidmat kepada orang ramai.

Pejabat Pendaftaran Perniagaan di bawah Kementerian ini adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan pendaftaran perniagaan di seluruh Semenanjung Malaysia. Pejabat-pejabat Cawangan telahpun dibuka di Johor Bahru pada awal tahun 1976, di Alor Star 1.10.77 dan satu cawangan lagi akan dibuka di Kota Bharu pada awal tahun 1978. Hasil kutipan dari Pejabat Pendaftaran Perniagaan ini telah berlipat ganda dan pada tahun 1978 dijangka Pejabat ini akan dapat memungut sebanyak \$6.3 juta ringgit.

Kementerian ini juga memerlukan peruntukan bagi Pejabat Pendaftaran Cap Dagangan. Satu rancangan penyusunan semula Pejabat ini sedang dijalankan untuk memperbaiki lagi sistem pendaftaran yang berasingan bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Di bawah rancangan ini satu sistem pendaftaran pusat akan diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih mudah kepada orang ramai.

Di samping mengembangkan usaha-usaha di bidang perdagangan dan perindustrian, Kementerian saya turut terlibat di dalam kerja-kerja memajukan perusahaan pelancungan. Pada tahun 1978 Perbadanan Kemajuan Pelancungan (TDC) akan bergiat dalam usaha menggalakkan pelancungan di luar dan dalam negeri. Pada masa-masa yang lepas langkah-langkah pemasaran adalah ditumpukan kepada usaha-usaha mengenalkan Malaysia secara keseluruhannya tetapi pada tahun 1978 TDC akan menekankan penggalakkan di kalangan bakal-bakal pelancung-pelancung. Sebagai tambahan TDC juga akan mengadakan beberapa kempen secara langsung seperti pengeluaran brochures, panduan dan pertunjukan di luar dan dalam negeri.

Dengan berlangsungnya misi jualan yang dihantar ke Jepun, Eropah, Australia pada masa yang lepas, pada tahun 1978 TDC bercadang akan membuat satu lagi misi jualan ke Amerika Syarikat, Kanada dan misi jualan kecil ke Jepun sebagai satu "follow-up".

Tuan Pengerusi, sesuai dengan dasar-dasar Kerajaan TDC juga sedang memberi perhatian yang berat mengenai penyertaan Bumiputra dalam industri pelancungan. Kemajuan yang telah dicapai setakat ini adalah seperti berikut:—

(a) *Ajensi Pelancungan dan Perjalanan:*

Dari jumlah 580 ajensi sekarang, 149 buah adalah dipunyai sepenuhnya oleh Bumiputra, sementara 117 lagi adalah

syarikat usahasama (joint venture). Bilangan ini dijangka akan bertambah dari masa ke semasa.

(b) *Pemandu Pelancang:*

Dari jumlah 1,377 orang seramai 294 atau 22.2% sahaja adalah Bumiputra. Untuk mengatasi kekurangan ini beberapa kursus akan diadakan pada tahun 1978/1979.

(c) *Pengangkutan Pelancungan:*

Kejayaan yang dicapai dalam bidang ini adalah memuaskan. Lesen-lesen bagi bas pesiaran dan kereta limousine yang telah diberi kepada Bumiputra masing-masing adalah 53.79% dan 46.3%.

(d) *Perusahaan Hotel:*

Setakat ini terdapat 3 buah hotel yang dipunyai oleh Bumiputra dengan jumlah penanaman modal kira-kira \$25.5 juta. Bilangan hotel usahasama ialah sebanyak 18 buah dan kebanyakannya mempunyai penyertaan dari agensi-agensi Kerajaan seperti UDA dan SEDC.

Tuan Pengerusi, dalam usaha mengembangkan lagi aspek-aspek perdagangan dan perindustrian di negara ini adalah perlu disediakan kemudahan-kemudahan latihan yang cukup, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) kini telah memperbagaikan dan memperkembangkan lagi program-program latihan bagi membolehkan dan memberi peluang kepada penduduk luar bandar sama-sama mempelajari teknik pengurusan dan daya pengeluaran. Satu cawangan telahpun dibuka di Pantai Timur. Di Pulau Pinang akan dibuka pada bulan November, 1977 dan cawangan di Johor Bahru pada awal tahun 1978. Pertambahan aktiviti-aktiviti latihan dan juga penubuhan cawangan baru serta pelaksanaan Rancangan Pembangunan Usahawan Bumiputra ini akan melibatkan bertambahnya kos perbelanjaan mengurus.

Tuan Pengerusi, mengenai Anggaran Pembangunan bagi tahun 1978 Kementerian saya hanya memerlukan peruntukan sebanyak \$2,250,010 bagi membiayai pembinaan Pusat Latihan Hotel & Restoran di bawah anjuran Pusat Daya Pengeluaran Negara dan pembinaan projek Kelab Mediterrane di Cherating Pahang, Hotel Rantau Abang dan Motel Desa di Trengganu di bawah anjuran TDC.

Pusat Latihan Hotel & Restoran telah terhenti di dalam tahun 1976 kerana lukisan pelan asalnya telah dibuat beberapa pindaan. Pada pertengahan tahun 1977 peringkat pembinaan tapak telah dimulakan dan satu peruntukan sebanyak \$639,000.00 telahpun dikeluarkan kepada Pengarah JKR Wilayah Persekutuan untuk kerja-kerja tersebut. Pembinaan bangunan akan bermula pada awal tahun 1978 dan dijangka siap dalam masa 45 minggu. Bagi tahun 1978, peruntukan sebanyak \$800,000 adalah diperlukan. Tujuan utama mengadakan institut ini ialah untuk meninggikan lagi mutu kemahiran kakitangan hotel dalam perusahaan hotel/restoran dengan menekankan bukan sahaja dari segi kemahiran, amali dan praktik tetapi juga kemajuan dari segi operasi, penyertaan dan pengurusan.

Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia memerlukan peruntukan sebanyak \$1,450,000 untuk tahun 1978 bagi membiayai beberapa kajian kemungkinan dan pelan induk pelancungan di kawasan-kawasan seperti Mersing dan Taman Negara; menyiapkan kerja pembinaan projek Kelab Mediterrane di Cherating Pahang yang dijangka akan siap pada bulan April 1979; membina 100 buah bilik di Tanjung Jara dan 20 buah bilik di Rantau Abang, dan membesarkan projek Motel Desa di Trengganu dengan menambahkan bilik-bilik bagi menampung keperluan bilik-bilik di bandar Kuala Trengganu.

Tuan Pengerusi, saya memohon Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$47,535,000.00 dan Anggaran Pembangunan sebanyak

\$2,250,010.00 bagi Kementerian saya diluluskan.

6.05 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membawa Kepala B. 25, Butiran 1100, Aktiviti (4) dan kerana Aktiviti (4) ini adalah inter-related dengan Aktiviti (10) maka saya mohon izin di dalam ucapan saya menyebut beberapa perkara dikahwinkan.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha-usaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memaju dan menggalakkan perdagangan dan di samping itu memberi peluang untuk bumi-putra menyertai aktiviti-aktiviti di lapangan perniagaan dan perdagangan hendaklah diawasi aktiviti-aktiviti pemasaran firma-firma seberang laut yang berniaga di Malaysia.

Saya suka membawa contoh di sini berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh sebuah syarikat multi-nasional Amerika yang dikenali dengan panggilan IBM (International Business Machine). Tuan Pengerusi, syarikat ini adalah sebuah syarikat yang tidak sekali-kali menggalakkan aktiviti marketing ataupun agency marketing diberi kepada peniaga-peniaga tempatan. IBM is not incorporated di Malaysia tetapi mempunyai pusatnya di Hongkong. Harga barang-barang IBM sungguhpun quoted ataupun disebut dalam Ringgit Malaysia tetapi berdasar kepada US dollar. Pendekata, inois-inoisnya dalam US dollars tetapi bayaran di dalam Ringgit Malaysia menurut tukaran matawang yang ada pada masa itu. Ini agaknya-adalah kerana IBM tidak percaya kepada matawang kita, dan juga IBM ini dikontrol ke semua dan keseluruhannya iaitu dasar-dasarnya oleh pusat mereka di Hongkong. Di sini wujudnya IBM semata-mata sebagai satu trading house.

Apa yang saya suka tekankan di sini, Tuan Pengerusi, ialah dengan adanya contoh-contoh yang telah dibuat oleh negara-negara jiran kita

seperti India, Indonesia yang telah dapat mengawal aktiviti-aktiviti IBM ini saya percaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kita dapat mengambil satu-satu langkah supaya IBM menukar dasarnya di Malaysia.

Saya suka meminta izin daripada Tuan Pengerusi sebagai bukti-bukti dan hujjah-hujjah meyakinkan lagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kita mengambil langkah ini membaca potongan-potongan akhbar daripada *Business Times* yang bertarikh hari Isnin, September 20, 1977 yang di dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Berapa panjang?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Pendek sahaja.

Tuan Pengerusi: Kalau pendek tak apa — boleh.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Itu berbunyi:

“India to I.B.M. — ‘Comply with laws or quit’. ‘The American multi-national computer firm, I.B.M., will not be allowed to continue to operate in India as a 100% foreign owned Company despite its offer to export all machines produced here,’ it was disclosed here yesterday.”

Itu satu, lagi satu.....

Tuan Pengerusi: Pendek-pendek, tetapi banyak.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Pendek-pendek dua helai sahaja.

Tuan Pengerusi: Tak payahlah!

Raja Nasron bin Raja Ishak: Pendekata, Tuan Pengerusi, berita-berita yang ada sebagai bukti kepada saya ini bolehlah meyakinkan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Timbalannya bahawa langkah-langkah tegas yang dibuat oleh India,

Indonesia dan juga Nigeria telah dapat menukar dasar IBM.

Yang kedua, saya suka membawa Butiran 1100 juga, Aktiviti (6) — Kemajuan Perindustrian (Industrial development). Tuan Pengerusi, adalah anggapan saya bahawa pada erti katanya industrial development ini termasuklah perusahaan perfileman. Sungguhpun telah lama kita dengar ura-ura daripada Kementerian Perdagangan untuk menubuhkan Lembaga Perfileman Kebangsaan (National Film Corporation) tetapi sehingga hari ini belum lagi ada ketentuan. Saya sedar bahawa untuk menubuhkan National Film Corporation ini satu Bill hendaklah dibentangkan di dalam Parlimen untuk memberi kuasa Badan tersebut menjalankan tugasnya.

Pada masa ini perusahaan perfileman dimonopoli oleh sebilangan gergasi-gergasi di dalam bidang tersebut yang menguasai, bukan sahaja production, tetapi juga edaran filem-filem, importation filem-filem dari luar negeri. Pengurusan-pengurusan dan syarikat-syarikat perfileman yang terbesar adalah Shaw Brothers, Cathay, Chong Gay, Kong Ngee, Metro Goldwyn Meyer, Twentieth Century Fox, Cinema Industrial Corporation, Warner Brothers, Columbia, Universal Pictures, Indian Film Combine, R.K. Way dan lain-lain. Kesemuanya berpusat di luar negeri. di antara syarikat-syarikat tersebut kita dapati di negara kita ini Shaw Brothers dan Cathay memiliki rangkaian pawagam yang terbanyak sekali dan dengan ini maka kedua-dua firma tersebut mengontrol filem-filem dan menentukan di mana filem-filem itu boleh diedarkan dan tak boleh diedarkan. Bolehlah dikatakan bahawa kesemua filem-filem untuk ditayangkan di pawagam ini diimpot dari luar negeri selain daripada dua atau tiga yang diproduce di Kuala Lumpur. Daripada jumlah yang sekian banyak boleh dikatakan 70% adalah filem-filem Cina dari Hongkong dan Taiwan. Tuan Pengerusi, daripada angka filem-filem yang diimpot tersebut boleh kita, kalau membuat perkiraan secara kasar, mentafsirkan

berapa juta wang Malaysia telah keluar daripada negara kita kerana syarikat-syarikat perfileman yang saya sebutkan tadi adalah syarikat-syarikat yang berpusat di luar negeri.

Elok kita lihat berapa harga tiap-tiap satu filem yang diimpot dari Hongkong dan Taiwan. Menurut keterangan yang saya dapati tiap-tiap satu filem itu dibeli dengan secara sewa berharga \$250,000 dan jika di dalam sebulan 5 filem diimpot, itu mengikut kiraan konservatif, maka jumlahnya adalah \$1.4 juta dan jika setahun hampir \$16 juta kita keluarkan wang negara kita untuk hanya membeli atau menyewa filem. Di dalam jumlah ini berapa peratus yang kita dapat sebagai hasil (revenue) kita. Film Hire Duty 15%, Entertainment Tax 25% dan entertainment tax ini kita sendiri, penuntut-penuntut membayarnya. Kalau dikira pula harga untuk melengkapkan pejabat, dan sebagainya bagi pejabat-pejabat di Malaysia di mana wang itu akan tinggal di sini lebih kurang 5%. Kalau dihitung hanya 45% tumpah di negara kita, yang lain itu pergi tercurah keluar negeri. Itu tidak termasuk kutipan daripada tiket-tiket yang dijual oleh mereka di negara ini.

Syarikat-syarikat perfileman dan perusahaan tempatan tidak dapat berkembang kerana tekanan dan monopoli yang dihadapi oleh mereka sekarang, jika adapun filem-filem diproduce di Malaysia maka cerita-cerita ini tidak dapat ditayangkan di pawagam yang bertaraf first class. Kalaupun dibenarkan hanya di pawagam-pawagam seperti Coliseum, Central tetapi tidak dapat ditayangkan di Odeon, Cathay yang dianggap sebagai first class. Selain daripada pawagam third class ini juga masa dibenarkan untuk filem-filem tempatan ini ditayangkan terhad iaitu di antara 16 atau 20 jam sahaja sebulan. Walhal filem-filem yang diimpot dibenarkan sehingga 200 jam sebulan. Yang anihnya pula tidak dapat diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan ialah cara-cara bagaimana separuh daripada filem yang diimpot ini dibenarkan harga tiketnya dinaikkan. Kalau biasanya tiket kelas "Reserved" \$2.30 maka filem-filem

yang diimpot umpamanya "The Spy Who Loved Me", "The Jaws", "King Kong", \$3.00. Entah bagaimana Kementerian Kewangan atau entah bagaimana pula Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membenarkan, saya tidak mengerti.

Tuan Pengerusi, tidakkah Kementerian sedar bahawa menonton wayang gambar ini adalah satu cheap entertainment untuk public atau orang-orang yang tidak berada. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Yang berada ini siapa?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Bapak-bapak Menteri. (*Ketawa*) Alasan-alasan yang diberi oleh pihak yang berkenaan mengapa "The Jaws", "The Spy Who Loved Me," "King Kong" dan sebagainya dinaikkan harga adalah kerana filem ini adalah super film. Tuan Pengerusi, setahu saya yang boleh dikatakan super ada king size, super size dan sebagainya hanyalah rokok, tetapi filem tidak ada pula king size dan super size. Sungguhpun hendak dikatakan filem "King Kong", "The Jaws" dan sebagainya adalah super film mengapa pula tidak Kementerian berkenaan mengangap filem tempatan umpamanya "Menanti Hari Esok" sebagai super film dan dibenarkan hak dijual tiketnya \$3. Nampak sangat pada orang-orang yang tidak mengerti adanya perbezaan layanan oleh Kementerian iaitu membenarkan super film daripada seberang laut dijual harga tiketnya \$3 tetapi super film tempatan seperti harga biasa.

Seperkara lagi di samping menyebut berkenaan filem ini saya alu-alukan usaha yang dibuat oleh UDA di dalam menyertai satu rancangan Pawagam Sungei Wang Plaza di mana suatu pagawam yang telah dibuat. Saya diberitahu bahawa UDA memegang 30% daripada sahamnya tetapi apa yang mendukacitakan kita baru-baru ini pawagam di Sungei Wang itu telah dijual kepada satu firma bernama Solar Film yang kononnya 60% share equity dipunyai oleh bumiputra. Siapakah tokoh bumiputra yang mempunyai share equity dalam Solar Film itu tidak payahlah

saya sebut di sini, biarlah dia menjadi mystery kerana dengan mystery ini ada sensisionnya sedikit. Jika orang yang mystery itu mempunyai 60% saham dan benar-benar telah mengambil bahagian di dalam usaha Solar Film itu tidak mengapa, tidak kita buat bantahan kerana ini adalah juga dasar Kerajaan kita untuk memberi peluang kepada bumiputra walaupun seorang menjadi jutawan tetapi segala kuasa untuk menjalankan pawagam di Sungei Wang itu adalah diurus dan diserahkan kepada orang yang mempunyai 40% share iaitu bukan bumiputra. Adakah ini hasrat Kerajaan? Tidakkah boleh Kementerian Perindustrian yang mempunyai dasar memberi peluang kepada bumiputra menegur perbuatan yang saya anggap suatu perbuatan yang bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru yang kita bangga-banggakan itu.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh juga berkenaan dengan usaha dan ura-ura Kerajaan ini ura kita berpendapat bahawa jika ada di dalam peruntukan di bawah Butiran Kod 1100, Aktiviti (6) iaitu Kemajuan Perindustrian, beribu-ribu ringgit diperuntukkan saya berharap dapat Kementerian ini benar-benar di dalam persidangan Parlimen ini membentangkan Bill untuk menubuhkan apa yang saya katakan tadi iaitu "National Film Corporation" supaya di bawah badan itu dapat nafas baru diberikan kepada perusahaan-perusahaan filem tempatan terutama yang dipunyai oleh bumiputra.

Sekian teguran saya dan saya harap akan dapat perhatian dari Kementerian berkenaan dan dengan ini saya dengan sukacitanya menyokong segala peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian berkenaan.

6.25 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan anggaran untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang baru dibentangkan oleh Timbalan Menteri berkenaan. Yang pertama saya ingin berucap atas Kepala B. 25,

muka surat 171, Aktiviti (2) — Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya tahu tugas utama MPPK ialah untuk menasihatkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna, sementara memberi penghargaan kepada sebuah Majlis seperti ini. Walau bagaimanapun, ia sepatutnya pada pandangan saya menjadi sebuah badan yang benar-benar efektif dan berkesan sekiranya ia bertujuan melindungi kepentingan pengguna-pengguna. Dalam hal ini orang ramai iaitu pengguna-pengguna Malaysia sehingga hari ini sungguhpun banyak telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan mengenai begitu efektifnya Majlis itu tetapi sebagaimana saya katakan tadi bahawa orang ramai sehingga hari ini masih tidak berpuas hati dengan Majlis itu dalam bentuk yang ada sekarang. Sebab-sebab saya katakan demikian, pertamanya dari segi perundangan, Majlis ini hanya mempunyai kuasa menasihati sahaja dan segala syor-syor yang dibuat untuk kepentingan pengguna boleh ditolak oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Yang kedua, keanggotaan ahli Majlis Penasihat ini pada masa sekarang sangat tidak memuaskan oleh sebab keanggotaannya itu tidak mencerminkan dengan sebenarnya pandangan yang mewakili kepentingan

pengguna. Ini ialah oleh kerana kebanyakan ahli Majlis Penasihat terdiri dari kakitangan Kerajaan dan bukan daripada orang-orang yang boleh bercakap dengan berkesan untuk kepentingan pengguna, walaupun wakil-wakil persatuan pengguna ada dilantik untuk menyertai Majlis itu.

Ketiga, orang ramai tidak begitu banyak mengetahui mengenai Majlis Penasihat itu. Sebagai satu contoh, berapa kali Majlis itu telah bermesyuarat sejak ia ditubuhkan, apakah perkara yang telah dibincangkan di mesyuarat-mesyuarat itu dan juga apakah perkara-perkara yang disyorkan dan berapakah syor-syor yang dikemukakan itu telah ditolak oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat hendak bercakap panjang lagi?

Tuan Lee Lam Thye: Ya.

Tuan Pengerusi: Saya fikir Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 5hb Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.